BAB V

PENGARUH TEOLOGI AL-ASH`ARĪ TERHADAP MASYARAKAT ISLAM PROVINSI JAMBI

5.0 PENGENALAN

Untuk penganalisaan data, penulis mengutamakan data daripada hasil pengamatan sama ada partisipan mahupun bukan partisipan serta pemerhatian terhadap huraian dalam kitab-kitab tauhid yang dipelajari oleh masyarakat Jambi. Di samping itu, untuk lebih meyakinkan kevalidan data, penulis juga menggunakan data dari hasil temubual dengan para informan, yang melibatkan sejumlah responden yang terdiri dari tokoh-tokoh agama, tokoh masyarakat, guru pengajian, pelajar-pelajar agama terutama pelajar-pelajar di institusi Pendidikan Tinggi, kerana merekalah sebenarnya yang menerima pelajaran teologi di institusi pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmana pengetahuan dan kefahaman mereka mengenai teologi al-Ash`arī, di samping melihat pengaruh teologi al-Ash`arī tersebut dalam kehidupan masyarakat Jambi.

5.1 PENGETAHUAN DAN PEMAHAMAN TERHADAP TUHAN

Kajian menunjukkan kefahaman masyarakat Jambi terhadap Konsep ketuhanan di dalam Islam adalah berbentuk monotheisme mutlak. Menafikan adanya sebarang unsur campur tangan asing atau mediator dalam semua aspek; berpaksikan atas dasar keesaan dhat Allah, peribadatan dan ketaatan kepada-Nya, nama dan sifat-Nya. membuang dan menggugurkan apa saja bentuk yang boleh membuka ruang kepada syirik atau polytheisme ke atas-Nya. Konsep ketuhanan yang diajarkan oleh nabi dan rasul bukanlah datang dari bumi atau hasil pemikiran manusia, tetapi ia datang dari Tuhan itu sendiri. Ini bermakna, pengetahuan dan kefahaman masyarakat

Jambi terhadap akidah Islam mengikuti fahaman akidah al-Ash`arī.[2] Walau bagaimanapun, penulis berpendapat bahawa kefahaman masyarakat awam terhadap teologi al-Ash`arī adalah secara kebetulan kerana teologi al-Ash`arī mewakili akidah Islam dan diketahui umum dalam literature keislaman, khususnya di provinsi Jambi.

Untuk lebih jelas mengenai pemahaman dan pengamalan akidah masyarakat Jambi, berikut ini akan dideskripsikan dalam bentuk huraian holistik yang didasarkan kepada hasil penyeledikan yang dilakukan.

5.1.1 Esensi Ketuhanan: Hakikat *Ilāhiyyah*

Masyarakat muslim provinsi Jambi berkeyakinan bahawa Tuhan mereka adalah Allah. Tuhan Maha Pencipta semesta alam. Selain Maha Pencipta, Allah juga wajib disembah, tidak ada Tuhan yang disembah selain Dia, iaitu Tuhan yang memiliki seluruh alam dan Maha pengatur seluruh kehidupan manusia. Selain itu, Allah dikenal sebagai Tuhan Yang Maha Tinggi dan Maha Besar, yang dinamakan dengan *ism al-`azm*; iaitu suatu nama yang tidak dinamakan demikian selain daripada-Nya. Dia juga Maha Sempurna lagi Maha suci, Maha Kaya dari yang lainnya dan berhajat kepada-Nya segala sesuatu selain daripada-Nya. Allah adalah dhat yang *Wajib al-Wujūd*, mempunyai sifat-sifat, *asmā* dan *af`āl*, kesemuanya itu Maha Esa. Menurut Muhsin Ruslan,[3] Allah memiliki segala sifat Kesempurnaan yang tidak terhingga, dan Maha Suci dari segala sifat kekurangan yang tidak terhingga pula.

Tentang esensi ketuhanan, pada umumnya masyarakat muslim Jambi mengemukakan pendapat bahawa Allah itu Maha Esa dhat-Nya (esensi), sifat-sifat dan *Af`āl*-Nya. Dari keseseluruhan pendapat mereka tersebut, ternyata mereka lebih

---

[2] Lihat Tesis ini, hal. 118, 119 dan 121.
[3] Muhsin Ruslan, wawancara dengan penulis, Jambi, 12 Mac 2002.

banyak berpendapat bahawa Allah s.w.t. Maha Esa dhat, sifat-sifat dan *Af`āl*-Nya daripada yang berpendapat bahawa Allah Maha Esa dhat-Nya sahaja. Jadi, dalam temuan ini, nampaknya mereka lebih banyak mengakui adanya perbezaan antara dhat dengan sifat-sifat dan *Af`āl* Allah, yang semuanya itu perlu ditegaskan keesaannya, bukan semat-mata Esa dhat (esensi) Nya saja. Dengan demikian, dapat dikatakan bahawa pada umumnya masyarakat Jambi sefaham dengan kelompok teologi al-Ash`ariyyah yang mengakui adanya sifat-sifat Allah.

Masyarakat muslim Jambi percaya dengan penuh keyakinan bahawa Allah itu ada, Ia memiliki banyak sifat. Menurut Hj. Helmi Mukhtar,[4] Tuhan mempunyai sekalian sifat Keindahan (*Jamāl*), sifat Kebesaran (*Jalāl*) dan sifat Kesempurnaan (*Kamāl*). Tentang berapa jumlah sifat-sifat Allah, menurut mereka, Allah mempunyai tiga belas sifat; dan Allah memiliki dua puluh sifat wajib, dua puluh sifat mustahil dan satu sifat harus. Jadi, kesemuanya ada 41 sifat-sifat. Dalam konteks ini, sebahagian besar dari mereka berpendapat bahawa Allah mempunyai dua puluh sifat-sifat wajib, dua puluh sifat mustahil dan satu sifat harus. Jadi, mereka berkeyakinan bahawa ketauhidan (*`aqīdah*) tentang sifat-sifat Tuhan ada 41; ditambah dengan sifat-sifat Rasul sembilan, yang terdiri dari: empat sifat wajib, empat sifat mustahil dan satu sifat harus, yang keseluruhannya menjadi berjumlah 50 *`aqā`id.*

Adapun kedudukan sifat-sifat Allah tersebut, misalnya sifat ilmu, sebahagian mereka memberikan penjelasan bahawa Allah s.w.t. mengetahui segala sesuatu dengan dhat-Nya. Sebahagian yang lainnya memberikan keterangan bahawa Allah s.w.t. mengetahui dengan sifat ilmu-Nya. Adapula yang memberikan penjelasan bahawa Allah sendirilah yang tahu dengan sebenarnya bagaimana cara Dia

---

[4] Hj. Helmi Mukhtar, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 12 Mac 2002.

mengetahui. Pendapat yang disebutkan dua terakhir ini, merupakan pendapat yang terbanyak dari masyarakat muslim Jambi. Oleh kerana itu, mereka juga mengatakan bahawa Allah s.w.t. adalah dhat Yang Maha Kuasa. Dia Maha Kuasa dengan sifat *qudrāt*-Nya.

Dari keterangan di atas terlihat bahawa pemahaman masyarakat muslim Jambi tentang kedudukan sifat-sifat Allah mengikuti teologi al-Ash`arī, yang menyatakan bahawa Allah berkuasa dengan sifat *Qudrāt*-Nya, berkehendak dengan sifat *Irādat*-Nya, dan sebagainya. Mustahil, kata al-Ash`arī, Tuhan mengetahui dengan dhat-Nya, kerana dengan demikian dhat-Nya adalah pengetahuan dan Tuhan sendiri adalah pengetahuan. Tuhan bukan pengetahuan (*`ilm*), tetapi Yang Mengetahui (*`Alīm*). Tuhan mengetahui dengan pengetahuan dan pengetahuan-Nya bukanlah dhat-Nya. Demikian pula dengan sifat-sifat lain seperti hidup, berkuasa, mendengar dan melihat.[5] Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian kecil dari masyarakat Jambi yang pendapatnya lebih dekat kepada fahaman kaum Mu`tazilah, yang menyatakan bahawa Allah s.w.t. mengetahui segala sesuatu dengan dhat-Nya. Tuhan bagi mereka tetap Maha Tahu, Maha Kuasa, Maha Hidup, Maha Mendengar, Maha Melihat dan sebagainya, tetapi semua ini tidak dapat dipisahkan dari dhat Tuhan. Dengan kata lain, sifat-sifat itu merupakan esensi Tuhan.

Selanjutnya, mengenai hakikat dhat Allah, mereka berkeyakinan bahawa Allah tidak dapat ditangkap, dibahas, dipikirkan dan dibayangkan. Namun demikian, boleh saja dikenali dengan melalui sifat-sifat Allah dan melalui hasil daripada perbuatan atau ciptaan-Nya. Pernyataan bahawa Allah itu Maha Esa pada dhat, sifat dan *af`āl*; maksudnya adalah untuk menggambarkan keadaan dhat yang esa, sifat dan *af`āl*-

---

[5] Lihat Abū al-Ḥasan ibn Ismā`īl al-Ash`arī, *Kitāb al-Lumā` fī al-Radd `alā Ahl al-Ziyaq wa al-Bidā`*, Mesir: Maṭba`ah Munīr, 1955, hal. 30-31.

Nya juga Esa. Dalam konteks ini, mengapa Allah itu memiliki banyak sifat? Ahmad Haris[6] menjelaskan bahawa sifat itu merupakan penggambarannya saja, namun hakikatnya adalah satu. Begitu pula dengan *af`āl* Allah yang merupakan deskripsi daripada Dhat Yang Esa juga. Untuk membuktikan bahawa Tuhan itu Esa, maka dalam penghuraiannya diadakan bahagian-bahagian atau topik-topik, namun bahagian-bahagian itu pada hakikatnya adalah satu. Dengan demikian, mereka berkeyakinan bahawa Allah itu mempunyai sifat-sifat adalah untuk menjelaskan keyakinan mereka tentang dhat Allah tersebut.

Jadi, berkaitan dengan *lafaz al-Jalālah*, Allah itu *ism dhat*, Dhat tersebut menurut *zahir ma`na* ayat-ayat al-Qur'an dan al-Hadith, mempunyai sifat-sifat; dan segala yang diciptakan Tuhan (*al-Khaliq*) menunjukan adanya *af`āl*. Maka, masyarakat muslim Jambi berkeyakinan bahawa Allah itu mempunyai dhat, sifat-sifat dan *af`āl*. Dalam pembahasan ilmu tauhid, mereka kenal dengan istilah: Tauhid dhat, tauhid sifat, tauhid *Asmā*, dan tauhid *Af`āl*.

i) Tentang Ketauhidan Dhat

Tauhid Dhat bermakna bahawa Allah adalah esa secara mutlak. Banyak ayat al-Qur'an yang membicarakan tentang idea ke-*wahdāniyyat*-an Allah ini. Antara lain firman Allah s.w.t.:

لو كان فيهما ءالهة إلا الله لفسدتا فسبحان الله رب العرش عما يصفون

Maksudnya:
Kalau sekiranya di langit dan di bumi ada tuhan-tuhan selain dari Allah, sudah tentu kedua menjadi rusak binasa. Sebab itu Maha Suci Allah, Tuhan yang mempunyai singgasana, dari apa yang mereka ucapkan itu.

Surah al-Anbiyā (23):22.

---

[6] Ahmad Haris, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 14 Mac 2002.

Dan firman Allah s.w.t.

قل هو الله أحد الله الصمد لم يلد ولم يولد ولم يكن له كفوا أحد

Maksudnya:
Katakan: Allah itu Esa, Allah itu tempat meminta, tiada beranak dan tiada diperanakkan, dan tiada seorang pun yang serupa dengan Dia.
Surah al-Ikhlās 112 (1-4.

Dalam konteks ini, masyarakat muslim Jambi meyakini bahawa dhat Allah itu tidak *murakkab*, yakni tidak tersusun dari beberapa unsur. Dengan perkataan lain, mustahil dhat Allah tersusun, kerana kalau tersusun tentulah ada unsur-unsur yang terlebih dahulu adanya daripada dhat-Nya; demikian pula dhat Allah itu tidak berbilang, Ia hanyalah tunggal (Esa). Pendapat ini sama dengan apa yang termuat di dalam kitab: *`Aqīdah al-Nājīn fi `Ilm Uṣūl al-Dīn,* karya Shekh Zain al-`Abidīn ibn Muhammad al-Fatānī, sebuah kitab yang banyak dipelajari masyarakat Islam Provinsi Jambi. Dalam kitab tersebut, al-Fatānī[7] menjelaskan bahawa hakikat dhat Allah itu tidak diketahui. Hakikat Allah itu *majhūl*, iaitu tidak dapat diketahui akan hakikatnya, maka kita serahkan pengetahuan itu pada Allah Ta`ala. Sehubungan dengan itu, Anwar Sadad[8] mengatakan bahawa Allah yang menjadikan alam ini adalah tunggal, tidak ada yang lain, tidak ada dua Tuhan: tuhan baik dan tuhan jahat, tuhan cahaya dan tuhan gelap seperti kepercayaan agama dualisme yang dianut oleh masyarakat Parsi, Greek kuno dan Babylon.

Dari keterangan di atas, jelas memperlihatkan bahawa Allah s.w.t. adalah satu pada hakikat sebenarnya, dhat Allah secara mutlak tidak ada kaitannya dengan apapun juga selain dari keesaan-Nya. Sebaliknya, segala sesuatu yang selain dari-Nya juga tidak ada hubung kaitnya dengan dhat Allah. Sebagai konsekuensi dari konsep

---

[7] Lihat Zain al-`Abidīn ibn Muhammad al-Fatāni, *`Aqīdah alNājīn fi `Ilm Uṣūl al-Dīn,* Banjarmasin, Hasa, t.th., hal. 21.
[8] Anwar Sadad, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 14 Mac 2002.

ketunggalan dhat Allah ini, maka sebarang bentuk yang mengasumsikan kepercayaan kepada polyteisme tidak dapat diterima dalam ertian tertolak.[9]

ii) Keesaan atau Ketauhidan Sifat

Dalam konteks ini, mengenai ketauhidan sifat, masyarakat muslim Jambi berkeyakinan bahawa sifat-sifat Allah itu adalah sifat yang *mukhālafah*, berbeza dengan yang lainnya. Mereka juga mengatakan bahawa Allah itu telah menentukan nama-nama bagi diri-Nya (*wa lillāhi al-asmā' al-ḥusnā*), yang berlainan dengan nama-nama yang ada pada makhluk-Nya. Oleh kerana itu, kaum muslim Jambi, pada umumnya, berpendapat bahawa jika memberikan nama kepada seseorang, yang nama itu sama dengan *asma* Allah, maka mestilah pada nama itu diberikan *iḍāfat,* misalnya `Abd al-Qahhār, `Abd al-Qādir dan lain sebagainya. Ini, menurut Hj. Marwazi,[10] bermaksud untuk memahasucikan Allah daripada penyerupaan dengan makhluk dan dari sebarang kekurangan.

Memang, aspek ketuhanan yang paling penting dalam Islam ialah tentang keesaan-Nya, yang dalam literatur keislaman disebut *tawhīd*. Islam dinamakan agama tauhid disebabkan oleh pembinaan dan pembentukannya di atas dasar bahawa Allah itu Esa dari semua dimensi. Untuk memudahkan pemahaman terhadap konsep ketauhidan ini, para ulama telah membuat pembahagiannya kepada tiga jenis tauhid, iaitu:

---

[9] Seperti kepercayaan yang dianut oleh kaum Kristian yang menyatakan bahawa Tuhan adalah satu dalam tiga, yang disebut dengan konsep triniti. Begitu juga dengan kepercayaan yang dianut oleh kaum Yahudi yang mendakwakan Tuhan mempunyai anak lelaki dan perempuan. Apalagi kepercayaan yang dipegang oleh kaum Majusi, yang menyatakan bahawa Allah dan Iblis adalah dua saudara yang bekerja sama dalam melaksanakan kerja-kerja mereka. Lihat Kamarudin bin Salleh, "Ketuhanan Menurut Perspektif Islam", dalam *Jurnal al-Mau`izah* (selanjutnya disebut *al-Mau`izah*), Malaysia, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jil. 3, 1995, hal. 15.

[10] Hj. Marwazi, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 02 Mei 2001.

a) Tauhid *Rubūbiyyah*, yakni penegasan bahawa Allah adalah Tuhan Maha Esa, yang tunggal secara mutlak.

b) Tauhid *Ulūhiyyah*,[11] yakni penegasan bahawa Allahlah satu-satunya yang boleh disembah, tanpa sekutu dan perantara.

c) Tauhid *Asmā* dan *Sifāt*, yakni pernyataan ikrar bahawa sesungguhnya Allah itu mempunyai nama dan sifat yang Maha Indah, sama ada berbentuk *Jamāl* atau *Jalīl*.

Dari keterangan di atas dapat ditegaskan bahawa pemikiran tentang ketauhidan sifat dapat dikategorikan kepada tiga, iaitu: 1) Memahasucikan (membersihkan) Allah daripada penyerupaan dengan makhluk dan sebarang kekurangan; 2) Beriman dengan nama-nama dan sifat-sifat yang tetap di dalam al-Qur'an dan al-Hadith tanpa mengurangkan atau menambahkannya, serta tidak menyelewengkan penafsirannya lebih-lebih lagi menafikannya; dan 3) Menghapuskan perasaan ingin tahu secara mendalam akan kaifiat sifat-sifat tersebut.

Secara umum, ketauhidan sifat bermakna *i'tiqād* secara *jazim* dan pasti bahawa Allah bersifat dengan semua sifat-sifat kesempurnaan dan bersih dari segala sifat kekurangan. Dia berbeza dari segala makhluk-Nya. Maksud mengisbatkan apa yang Allah isbatkan untuk diri-Nya dan apa yang Rasul nyatakan adalah merujuk kepada nama-nama dan sifat-sifat yang termaktub di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah tanpa menyalahtafsirkan lafaz-lafaz atau makna-maknanya, tidak menafikan sebahagiannya, tidak membagaimanakan ciri-ciri hakikatnya, dan tanpa ditasbihkan

---

[11] Istilah *ulūhiyyah*, menurut pemahaman masyarakat muslim Jambi, ialah: "*Istighnā'u Allah 'an kulli mā siwah wa iftiqāru mā siwah ilaihi*". Maksudnya Terkaya Allah dari setiap sesuatu selain daripada-Nya, dan Berhajat kepada-Nya segala sesuatu yang lain daripada-Nya. K. H. Abdul Wahab, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 01 Mac 2001.

dengan sifat-sifat makhluk.[12] Semua nama-nama Allah itu diiktibarkan sebagai sifat-sifat Allah kecuali satu, iaitu nama 'Allah' sendiri, kerana ia diketahui di atas dhat bukan sifat.[13]

iii) Keesaan atau Ketauhidan *Af`āl*

Dalam hal ini, masyarakat muslim Jambi percaya bahawa pada hakikatnya tidak ada satupun yang terjadi di alam semesta ini melainkan semuanya dengan *af`āl* Allah. Dan tiada bersekutu Dia dalam melakukan perbuatan-perbuatan-Nya itu dan tidak ada bagi-Nya pembantu dalam melaksanakan *af`āl* tersebut.

Mereka menyedari bahawa di dalam paras pengaplikasian pemahaman mereka, yang merupakan kewajipan mukallaf[14] untuk mengi`tikadkannya, ada tingkatan-tingkatan kewajipan dalam mengesakan Allah. Di peringkat awal, mereka wajib mengi`tikadkan bahawa tidak ada *dhat* lain yang menyamakan *dhat* Allah; dan tidak ada sifat lain yang menyamai sifat Allah; serta tidak ada perbuatan lain yang menjadikan sesuatu melainkan yang menjadikannya adalah *af`āl* Allah.[15] Keimanan seperti ini, menurut mereka, merupakan *fardu a`in* bagi setiap warga muslim.[16]

Pada peringkat lain, mengesakan perbuatan Allah adalah meyakinkan bahawa tidak ada yang menjadikan kecuali Allah, yang ada pada manusia hanya usaha dan

---

[12] Lihat Muhammad Na`im Yassin, *al-Imān: Arkānuh wa Haqiqatuh,* t.t,: t.p., 1979, hal. 45. Bandingkan Kamarudin bin Salleh, *al-Mau`izah,* hal. 18.
[13] Lihat Muhammad Na'im Yassin, *Op. Cit.*
[14] Mukallaf, dalam kaitannya dengan akidah di provinsi Jambi, adalah setiap peribadi sempurna akalnya, cukup dewasa serta sampai dakwah Islamiyah kepadanya, sehingga dengan demikian mereka mampu menerima tugas dan kewajipan keagamaan yang terpikul di bahunya.
[15] Menyedari adanya tingkatan-tingkatan dalam pemahaman mengesakan Dhat, sifat dan *af`āl* Allah tersebut, Sulaiman Abdullah menganggap bahawa masyarakat muslim Jambi belum ada yang mencapai tingkatan elit dalam pemahamannya mengenai konsep ketauhidan. K.H Sulaiman Abdullah, Wawancara dengan penulis, Jambi, 12 November 2002.
[16] Pemahaman masyarakat muslim Jambi tersebut, dalam istilah ilmu tauhid, dapat dikatakan sebagai pendapat *wasatiah* dari pendapat-pendapat aliran teologi yang ada. K.H Sulaiman Abdullah, Wawancara dengan penulis, Jambi, 12 November 2002.

ikhtiar. Mengesakan sifat, misalnya sifat *Qudrāt,* maka yang lain, selain Allah, tidak ada yang mempunyai sifat seperti sifat Allah Ta`ala itu, dan sifat-Nya pun tidak berbilang-bilang dalam satu yang sama, misalnya dua *Qudrāt*, dua *Irādat* dan lain sebagainya. Begitu juga tentang mengesakan dhat, mereka meyakinkan bahawa dhat Allah itu tidak tersusun atau bersuku-suku, bukan *jism* atau *jirm*. Dasar keyakinan ini, menurut Muhammad Syafi`i, seorang muballigh provinsi Jambi, ialah: *laisa kamithlihi shai`*, tidak ada satupun yang mempunyai dhat seperti dhat Allah Ta`ala.[17]

Selain itu, menurut masyarakat muslim Jambi, mengesakan dhat Allah itu dapat difahami melalui dua cara: **Pertama**, pemahaman secara *muttaṣīl* (pandangan ke dalam) menjelaskan bahawa dhat Allah itu bukanlah terdiri daripada bahagian-bahagian, dan bukan pula tersusun daripada *juz'ī*; **kedua**, pemahaman secara *munfaṣīl* (pandangan ke luar) yang menegaskan bahawa dhat Allah itu tidak ada yang sama dengan-Nya atau tidak ada dhat lain yang serupa dengan Dia.

Kemudian, tentang mengesakan sifat Allah. Secara *muttaṣīl,* bagi Allah tidak ada dua sifat atau lebih dalam satu jenis sifat, tiap-tiap satu jenis sifat hanya satu; secara *munfaṣīl,* tidak ada pada dhat yang lain sifat-sifat yang sama atau menyerupai sifat-sifat Allah. Seterusnya, mengesakan perbuatan Allah; ertinya meyakini bahawa tidak ada satu perbuatan pun yang datang dari selain-Nya, semuanya adalah perbuatan Allah semata, yang ada pada manusia adalah usaha dan perlakuannya. Seperti terlihat dalam ungkapan: *al-khalq wa al-ījād muḍāfāni ilā Allah, wa al-fi`l wa al-kasb muḍāfāni ilā al-`abd.*

---

[17] Muhammad Syafi`i, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 02 Mac 2001.

Di samping itu, dalam kitab-kitab ilmu tauhid, yang menjadi pegangan oleh masyarakat muslim Jambi dalam memepelajari *tawhīd,* menjelaskan bahawa sifat *wahdāniyyat* adalah menafikan lima macam *kam* (banyak), iaitu: *kam muttaṣīl* pada dhat, *kam munfaṣil* pada dhat, *kam muttaṣīl* pada sifat, *kam munfaṣīl* pada sifat, dan *kam munfaṣīl* pada *af`āl.*[18]

Dalam *Istighnā`*, dijelaskan bahawa yang termasuk sifat Allah Yang Maha Kaya itu ialah: *wujūd, qidām, baqā' mukhālafatuh li al-hawādith, qiyāmuh ta`āla binafsih, samā`, baṣar, kalām, kaunuh samī`an, kaunuh baṣīran,* dan *kaunuh mutakalliman.* Ditambah lagi dengan Maha Suci Allah Ta`ala daripada mengambil faedah segala perbuatan-Nya dan hukum-hukum-Nya, tidak wajib atas Allah Ta`ala itu memperbuat sesuatu dari pada *mumkinat* (yang baharu ini) dan meninggalkannya, tidak *menta`sir* (memberi bekas) segala sesuatu selain daripada Allah dengan kekuatannya. Sedangkan dalam *Iftiqār* disebutkan bahawa sifat Allah itu ada sebelas, iaitu: *qudrat, iradat, `ilm, hayat, kaunuh qādirun, kaunuh mūridun, kaunuh `ālimun, kaunuh hayyan, wahdāniyyat,* baharu alam keseluruhannya, tidak *menta`sir* segala sesuatu daripada keadaannya dengan *tabi`at*nya.[19] Ajaran *istighnā`* dan *iftiqār* ini diperoleh penjelasan yang cukup luas dalam kitab-kitab tauhid yang menjadi rujukan masyarakat muslimin Jambi dalam mempelajari ilmu tauhid. Kitab tersebut, antara lain, ialah kitab *`Aqīdah al-Nājīn fī `Ilm Uṣūl al-Dīn,* karya Shekh Zain al-`Abidīn ibn Muhammad al-Fatānī.

---

[18] Lihat, antara lain, Ibrāhīm al-Bijūrī, *Tahqīq al-Maqām `alā Kifāyah al-`Awām fī `Ilm al-Kalām,* Bandung: al-Ma`ārif, tanpa tarikh, hal. 41-42; Zain al-`Abidīn ibn Muhammad al-Fatānī, *Op. Cit.,* hal. 21.

[19] Muhammad Ahsan memberikan penjelasan tentang perbezaan antara *quwah* dengan *tabi`at,* iaitu: *quwah* itu ialah yang mempunyai sifat seperti kekuasaan, kehendak, melihat. Sedangkan *tabi`at* itu seperti pisau, *tabi`at*nya memutuskan; air, *tabi`atnya* mengalir dari dataran tinggi ke dataran rendah, dan lain sebagainya. Muhammad Ahsan, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 05 Julai 2002.

Dari huraian di atas, dapat diambil suatu ketegasan bahawa dalam masalah akidah, masyarakat muslim Jambi berusaha mentauhidkan Allah secara menyeluruh, sama ada dhat, sifat, mahupun *af`āl* Allah. Dan ini merupakan pokok-pokok keyakinan yang diakui secara meluas di kalangan masyarakat muslim Jambi. Berdasarkan keyakinan akidah seperti ini, maka dapat ditegaskan bahawa masyarakat muslim provinsi Jambi mengikuti aliran teologi al-Ash`arī, yang mengi`tikadkan adanya sifat-sifat Allah.

5.1.2 Sifat-sifat Tuhan

Masyarakat muslim provinsi Jambi meyakini bahawa Allah s.w.t. mempunyai sifat, dan sifat Allah adalah keadaan daripada *dhat* Allah sendiri, berdiri atau bersandar pada dhat, bukan sesuatu yang ada di luar dhat. Pernyataan ini diperkuat oleh Abu Bakar,[20] seorang guru agama, yang menjelaskan bahawa Allah bersifat *`ilm,* makna ilmu adalah tahu, maka Yang Maha Tahu adalah *dhat*-Nya. Demikian pula Allah s.w.t. kuasa melalui sifat *qudrat*, maka pada hakikatnya yang kuasa hanyalah Allah, bukannya sifat *qudrat* itu yang kuasa, dan bukan pula kedua sifat *qudrat* dan *dhat* itu sekaligus berkuasa. Namun Yang Berkuasa itu, sesungguhnya, adalah esensi (*dhat*) Tuhan.

Sebenarnya, terdapat pelbagai pendapat, masyarakat muslim Jambi, dalam memahami teologi Islam, terutama yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah s.w.t. Dalam hal ini, pada umumnya, mereka berpendapat bahawa sifat-sifat Allah s.w.t. itu tidak terhingga jumlahnya, dan tidak seorang pun yang boleh mengetahui jumlah sebenarnya sifat-sifat Allah s.w.t. itu. Namun yang wajib diketahui, difahami dan

---

[20] Abu Bakar, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 20 November 2002.

diyakini adalah dua puluh sifat wajib, dua puluh sifat yang mustahil dan ditambah satu sifat harus bagi Allah, sehingga jumlahnya menjadi empat puluh satu sifat.[21]

Di samping itu, ada pula yang berpendapat bahawa masyarakat Islam wajib beriman secara mujmal saja, kerana kewajipan untuk mengetahui secara *tafṣīl* tidak mungkin dapat dilakukan oleh semua orang; sementara *taklīf* itu mestilah sesuai dengan kemampuan seseorang mukallaf. Dengan demikian, menurut Abd. Somad Ra`at,[22] memadailah jika seseorang itu mengimani bahawa Allah itu Esa pada dhat, sifat dan *af`āl*-Nya. Dia mempunyai sifat-sifat kesempurnaan dan Maha Suci dari sifat-sifat kekurangan.

Dari keterangan di atas, dapat diambil suatu ketegasan bahawa ada dua cara dalam memberikan keyakinan terhadap sifat-sifat Tuhan, iaitu: Pertama, mempercayakan secara *iman mujmal*; yakni percaya dan membenarkan bahawa wajib bagi Allah bersifat dengan sifat kesempurnaan dan mustahil Allah bersifat dengan sifat kekurangan serta harus bagi-Nya menjadikan alam atau meniadakannya. Kedua, mengimani secara *iman mufaṣṣal*; yakni wajib atas setiap orang Islam mengetahui serta meyakini dua puluh sifat wajib, dua puluh sifat mustahil dan satu sifat yang harus bagi Allah ta`ala.[23]

Terhadap *iman mufaṣṣal,* perincian sifat-sifat Allah berbeza dalam jumlah mereka menyebutkannya. Misalnya, ada yang mengatakan bahawa sifat-sifat Allah itu berjumlah tiga belas, dan ada yang mengatakan berjumlah dua puluh sifat wajib.

---

[21] Ahmad Husni mengungkapkan bahwa, apabila seseorang belum dapat mengetahui dua puluh sifat tersebut, maka ia belum dapat dikatakan sebagai memiliki keimanan yang sebenarnya. Ia baru dapat dikatakan sebagai *ma`rifah* jika seseorang itu mengenali kurang dari dua puluh sifat Allah. Ahmad Husni, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 14 November 2002.

[22] Abd Somad Ra`at, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 06 November 2002.

[23] Dalam ilmu kalam, perkataan wajib, mustahil dan harus merupakan suatu istilah yang dipergunakan untuk menyebutkan sifat-sifat Allah. Istilah-istilah tersebut sangat populer di kalangan masyarakat muslim Jambi dalam mempelajari ilmu tauhid.

Namun demikian, pendapat yang disebutkan terakhir adalah lebih banyak berkembang dan diikuti oleh masyarakat muslim Jambi. Dalam hal ini, mereka mempopulerkan perkataan: 'mengaji sifat dua puluh'.

Sebahagian yang lain, ada yang berpendapat bahawa sifat-sifat Allah hanya terbahagi kepada dua; iaitu *istighnā`* dan *iftiqār.*[24] Ada lagi yang membahaginya kepada sifat *zātiyyah* dan sifat *fi`liyyah.* Sifat *Dhātiyyah* disebut juga dengan sifat *thubūtiyyah* atau sifat *ma`āni;* sifat ini terbahagi lagi kepada tujuh sifat, iaitu: *`ilm, hayat, qudrat, irādat, sama`, baṣar,* dan *kalām.* Sementara, sifat *fi`liyyah* ada yang secara langsung dan ada yang bersifat *mutashābihat.* Wujudnya sifat-sifat tersebut berdasarkan dalil *laisa kamithlihi shai'un,* dengan selalu diberi erti yang layak bagi Allah s.w.t. Selanjutnya, ada pula di antara mereka yang menyatakan bahawa sifat Allah itu berjumlah tiga belas, iaitu: *Wujūd, Qidām, Baqā, Mukhālafatuh ta`āla li al-ḥawādith, Qiyāmuh binafsih, Wahdāniyat, `Ilm, Ḥayat, Qudrat, Iradat, Sama`, Baṣar,* dan *Kalām.*[25] Sedangkan yang lainnya, seperti yang termasuk dalam kategori sifat *ma`nawiyyah,* hanyalah sebagai *asmā* Allah saja. Meskipun dalam penyebutan nama Allah tidak terlepas dari penyebutan sifat-sifat *ma`nawiyyah* tersebut, namun ia lebih berkonotasi kepada *Asmā* Allah s.w.t.

Di samping itu, ada pula yang membahagikan sifat Allah itu kepada empat sifat, iaitu: *nafsiyyah, salbiyyah, ma`āni,* dan *ma`nawiyyah.* Keempat sifat ini diperinci lagi menjadi dua puluh sifat. Menurut Ḥasan Baṣri, seorang pensyarah ilmu

---

[24] Sifat *isghnā`* meliputi sifat *wujūd, qidām, baqā`, mukhālafatuh ta`āla li al-hawādith, qiyāmuh ta`āla binafsih, sama`, baṣar, kalām, kaunuh sami'an, kaunuh baṣiran,* dan *kaunuh mutakalliman.* Sedangkan sifat *iftiqār* meliputi sifat *qudrat, iradat, ilm, hayat, kaunuh qādiran, kaunuh mūridun, kaunuh `āliman, kaunuh hayyan, wahdāniyyat,* baharu keseluruhan alam, dan tidak *menta`sir* segala sesuatu dari pada keadaannya dengan *tabi`at.* H. Ruslan Abdul Ghani, Wawancara dengan penulis, Jambi, 06 November 2002.

[25] Ketiga belas sifat Allah ini diterima tanpa ada perbezaan pendapat di kalangan masyarakat muslim Jambi.

tauhid, perincian dua puluh sifat Allah itu merupakan sebuah metode atau pendekatan dalam memahami akidah Islam; metode tersebut dikembangkan oleh para teolog Islam untuk mempermudahkan mempelajari dan mengenal sifat-sifat Allah tersebut. Konsekuensi dari pemahaman seperti ini, mereka meyakini bahawa Allah itu hanya memiliki tiga belas sifat yang utama, sedangkan yang tujuh lainnya (sifat ma`nawiyah) merupakan akibat dari dialektika yang menuntut supaya ada ketujuh sifat tersebut. Misalnya, sifat *Qādiran* yang seharusnya adalah *Kaunuh Qādiran*. Begitulah seterusnya hingga *Kaunuh Mutakalliman*.[26] Perincian sifat-sifat Allah tersebut adalah sebagai berikut:[27]

A. Kelompok sifat *Nafsiyyah*, yakni sifat yang dibangsakan kepada Dhat Allah kerana melazimi sifat itu bagi Allah ta`ala. Sifat *nafsiyyah* ini ialah:

1) *Wujūd*, lawannya `*Adam*. Ertinya Tuhan itu ada, mustahil Ia tiada. Bukti atas adanya Tuhan ialah adanya alam ini; kalau Tuhan yang menjadikan alam ini tidak ada tentulah alam ini juga tidak ada. Sesungguhnya orang yang memandang, memperhatikan dan memikirkan keadaan alam ini berubah-ubah secara berterusan dan berganti-ganti, maka yakinlah ia bahawa tentu ada Tuhan yang menjadikan dan yang mengaturnya dengan sempurna. Jika Allah s.w.t. tidak ada niscaya alam ini sudah barang tentu tidak didapatkan. Keberadaan Allah s.w.t. tidaklah berasal dan tidak pula bertempat dan berjihat, seperti roh dalam diri atau protein dalam air susu. Allah s.w.t. menjelaskan dalam firman-Nya yang berbunyi: إن في خلق السموات والأرض واختلاف الليل والنهار لآيات لأولي الألباب (Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih

[26] Hasan Basri, Wawancara dengan penulis, Jambi, 12 November 2002.
[27] Perincian tentang sifat-sifat dua puluh ini akan dihuraikan sesuai dengan apa yang biasa diterima dan difahami oleh masyarakat muslim provinsi Jambi.

bergantinya malam dan siang, terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal).[28]

B. Kelompok sifat *Salbiyyah*; iaitu sifat yang dibangsakan untuk menanggalkan, menolak atau menghilangkan. Sifat-sifat tersebut ialah:

2) *Qidām*, lawannya *Hudūth*. Ertinya wajib Allah s.w.t. *Sedia,* mustahil *Baharu.* Tuhan bersifat *qidām* atau sedia, maksudnya ialah bahawa adanya Allah itu tidak berpermulaan, tidak didahului oleh tiada; sedangkan *baharu* ertinya berpermulaan, didahului oleh tiada. Dalam perkataan lain, mustahil Allah berpermulaan adanya, kerana kalau Ia berpermulaan ada-Nya maka samalah Ia dengan makhluk. Jika Ia sama dengan makhluk maka Ia bukanlah Tuhan. Jadi, buktinya[29] Allah itu bersifat *qidām* adalah alam ini, kalau Allah itu *baharu* niscaya tidak akan didapatkan sesuatu seperti alam ini. Dalam al-Qur'an dijelaskan: هو الأول والأخر والظاهر والباطن وهو بكل شيء عليم (Dialah yang Awal dan yang Akhir, yang Zahir dan yang Batin, dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu).[30]

3) *Baqā`*, lawannya *Fanā*. Ertinya wajib Allah '*kekal'* selama-lamanya dalam erti tidak berkesudahan; mustahil Dia akan *binasa,* atau berkesudahan. Tuhan tidak mungkin akan habis atau binasa, kerana kalau Ia tidak ada lagi, maka siapakah yang jadi Tuhan sesudahnya? Kerana itu, Tuhan itu kekal untuk selama-lamanya dan Dia akan mengekalkan pula surga dan neraka bersama penduduk keduanya. Dalam al-Qur'an dijelaskan: كل شيء هالك إلا وجهه له الحكم وإليه ترجعون

---

[28] Lihat Q.S. 'Ali Imrān 3:190.
[29] Bukti disini maksudnya adalah argumen rasional, semacam *burhān*, meskipun pembuktiannya tampak sederhana, namun setiap penampilan dalil rasional akan disusul dengan dalil *naql*.
[30] Lihat Q.S. al-Hadid 57:3.

(Tiap-tiap sesuatu pasti binasa, kecuali Allah, Bagi-Nya lah segala penentuan, dan hanya kepada-Nya lah kamu dikembalikan).[31]

4) *Mukhālafatuh Ta`āla li al-Hawādith*, lawannya *Mumāthalatuh li al- Hawādith*. Ertinya wajib Allah *berlaianan* dengan alam, mustahil Ia *bersamaan* atau serupa dengan makhluk-Nya. Maksudnya, Allah s.w.t. tidak serupa dengan sesuatu; tidak serupa pada dhat, sifat dan perbuatan-Nya. Dhat Allah tidak tersusun daripada bahagian-bahagian seperti anggota tubuh makhluk. Sifat Allah tidak sama dengan sifat-sifat yang ada pada makhluk, misalnya melihat dengan menggunakan mata, mendengar memerlukan telinga dan sebagainya. Begutu pula dengan perbuatan-Nya, juga tidak serupa dengan perbuatan makhluk, dan tidak dapat dibandingkan dengan perbuatan makhluk-Nya. Argumen ini berdasarkan kepada firman Allah yang berbunyi: ليس كمثله شيء (Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan Dia).[32]

5) *Qiyāmuh Ta`āla Binafsih*, lawannya *Ihtiyāj lighairih*. Ertinya Allah s.w.t. itu berdiri dengan sendirinya, mustahil berhajat kepada yang lainnya. Bukti bahawa Allah itu berdiri dengan sendirinya adalah teraturnya alam ini. Kalau Dia memerlukan bantuan yang lain bererti Ia tidak kuasa dan tidak sempurna, padahal Allah itu Maha Kuasa lagi Maha Sempurna. Jadi, Allah s.w.t. tidak memerlukan pertolongan yang lain, sebaliknya, keberadaan segala sesuatu itu semua bergantung kepada kehendak dan kekuasaan Allah. Dalam al-Qur'an dijelaskan: إن الله لغني عن العالمين (Bahawasanya Allah tidak memerlukan alam semesta).[33] Dalam ayat yang lain dijelaskan: الله لا إله إلا هو الحي القيوم (Allah tidak

[31] Lihat Q.S. al-Qaṣāṣ 28:88-89.
[32] Lihat Q.S. al-Shurā 42:11.
[33] Lihat Q.S. al-Ankabūt 29:6.

ada Tuhan melainkan Dia Yang Hidup kekal lagi terus menerus mengurus makhluk-Nya).[34]

6) *Wahdāniyat*, lawannya *al-Ta`addud*. Ertinya Tuhan Allah Maha Esa, mustahil Ia berbilang atau banyak. Tandanya Allah itu Esa adalah teraturnya alam ini dengan baik dan sempurna. Kerana kalau Allah yang menjadikan alam ini dua, berkawan atau berbilang, niscaya akan terjadilah perselisihan dan pertentangan yang akan membawa kepada kehancuran. Kerana itu, mustahil Allah itu bersifat demikian, dan ia tidak dapat diterima akal sehat. Tuhan itu Maha Esa, Maha Tunggal. Allah berfirman: قل هو الله أحد (Katakanlah Allah Yang Maha Esa).[35] Dan firman Allah s.w.t.: وإلهكم إله واحد لا إله إلا هو الرحمن الرحيم (Dan Tuhanmu adalah Tuhan Yang Esa, tiada Tuhan selain Dia, yang Maha Pengasih lagi Penyayang).[36]

C. Kelompok sifat *Ma`āni*; iaitu beberapa sifat ma`na yang berkaitan dengan dhat Allah. Ia terdiri daripada:

7) *Qudrat*, lawannya *`Ajzun*. Ertinya wajib Allah *Kuasa*, mustahil Ia lemah. Buktinya bahawa Allah itu kuasa adalah teraturnya alam ini. Jika Ia lemah tentu alam yang luas ini tidak akan terjadi dan Ia tidak akan dapat mengaturnya dengan baik dan sempurna. Dengan demikian, mustahil Allah itu lemah, dan ia tidak dapat diterima akal sehat. *Qudrat* Allah meliputi sekalian *mumkinat* dan makhluk ini tidak akan ada melainkan keberadaannya dijadikan oleh Allah s.w.t. Mustahil terjadinya makhluk ini di luar kekuasaan Allah atau tidak dijadikan Allah dengan *qudrat*-Nya. Argumen ini berdasarkan penjelasan al-Qur'an yang berbunyi: إن الله على كل شيء قدير (Sesungguhnya Allah berkuasa

[34] Lihat Q.S. al-Baqarah 2:255.
[35] Lihat Q.S. al-Ikhlāṣ 112:1.
[36] Lihat Q.S. al-Baqarah 2:163.

atas segala sesuatu).[37] Dan firman Allah s.w.t.: وهو القاهر فوق عباده (Dan Dia lah yang mempunyai kekuasaan tertinggi atas semua hamba-Nya).[38]

8) *Iradat,* lawannya *Ikrah*. Ertinya Allah menetapkan sesuatu menurut kehendak-Nya, mustahil Ia tidak menurut kehendak-Nya dan mustahil Ia dipaksa oleh kekuatan lain untuk melakukan sesuatu. Buktinya Allah berkehendak ialah adanya alam ini. Kalau Allah tidak berkehendak, maka tidak akan terjadi segala sesuatu. Maksudnya, setiap *mumkinat*, sebelum diciptakan telah ditentukan pada *azal Irādat* Allah, sama ada Dhat, sifat, kelakuan, tempat, masa mahupun yang lainnya. Tidak ada sesuatu pun yang terlepas daripada *Irādat* Allah. Dalam al-Qur'an dijelaskan: إنما أمره إذا أراد شيئا أن يقول له كن فيكون (Sesungguhnya keadaan-Nya apabila Dia menghendaki sesuatu hanyalah berkata kepadanya: jadilah, maka jadilah ia).[39] Dalam ayat yang lain dinyatakan: وربك يخلق ما يشاء (Dan Tuhanmu menjadikan apa yang Ia mahu dan apa yang Ia kehendaki).[40]

9) *`Ilm,* lawannya *Jahl*. Ertinya ialah Allah itu berpengetahuan, mustahil Ia bodoh. Buktinya Allah itu bersifat *`ilm* adalah tersusunnya alam ini dengan baik. Kalau Allah itu tidak berpengetahuan, mana mungkin dapat mengatur alam ini. Allah mengetahui segala sesuatu, baik sebelum, semasa mahupun sesudah kejadian. Demikian pula Dia tahu segala perinciannya sehingga tidak ada yang tersembunyi dari pengetahuan-Nya. Argumen ini berdasarkan kepada firman Allah s.w.t.: وهو الله في السموات وفي الأرض يعلم سركم وجهركم ويعلم ما تكسبون

---

[37] Lihat Q.S. al-Baqarah 2:20.
[38] Lihat Q.S. al-An`ām 6:61.
[39] Lihat Q.S. Yāsin 36:82.
[40] Lihat Q.S. al-Qaṣāṣ 28:68.

(Dia mengetahui apa yang kamu rahsiakan dan apa yang kamu zahirkan dan Dia mengetahui pula apa yang kamu usahakan).[41]

10. *Hayat,* lawannya *Mati.* Ertinya wajib Allah itu hidup, mustahil Ia mati. Tanda Allah itu hidup adalah terpeliharanya alam ini dengan baik dan sempurna. Jika Allah itu mati niscaya alam ini akan porak-poranda kerana tidak ada yang mengendalikannya. Oleh kerana itu, mustahil Ia mati. Allah itu hidup bukanlah seperti hidupnya makhluk yang memerlukan ruh, jasad, nafas, darah dan sebagainya. Tetapi hidupnya Allah itu merupakan kehidupan mutlak yang tidak ada masa permulaan dan tidak ada kesudahannya. Garis argumen ini berdasarkan kepada firman Allah s.w.t. yang berbunyi: هو الحي لا إله إلا هو (Dia lah (Allah) Yang Hidup kekal, tiada Tuhan melainkan Dia).[42] Dan firman Allah s.w.t.: الله لا إله إلا هو الحي القيوم (Tiada Tuhan selain Dia, yang hidup dan tegak).[43]

11. *Sama`*, lawannya *Aṣam* Ertinya wajib Allah s.w.t. mendengar, mustahil Ia tuli. Bukti Allah itu mendengar adalah teraturnya alam ini dengan sempurna, kerana kalau Ia tuli tentu tidak dapat mengatur alam dengan baik. Tuli adalah sifat kekurangan, oleh sebab itu tidak masuk akal kalau Tuhan mempunyai sifat kekurangan. Allah mendengar tidak dengan telinga, namun tidak ada satupun yang tidak didengar oleh Allah, sama ada yang bersuara mahupun yang tidak bersuara. Dalam al-Qur'an dijelaskan: إنـه هـو الـسميع البـصير (Sesungguhnya Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat).[44] Dalam ayat yang lain Allah berfirman: أم يحسبون أنا لا نسمع سرهم ونجواهم بلى ورسلنا لديهم يكتبون

---

[41] Lihat Q.S. al-An`âm 6:3.
[42] Lihat Q.S. al-Mu'min 23:65.
[43] Lihat Q.S. al-Baqarah 2:255.
[44] Lihat Q.S. al-Isrâ' 17:1.

(Apakah mereka mengira bahawa Kami tidak mendengar rahsia dan bisikan-bisikan mereka? Sebenarnya (Kami mendengar) dan utusan-utusan Kami (malaikat) selalu menulis di sisi mereka).[45]

12. *Baṣar,* lawannya *A`ma.* Ertinya wajib Allah melihat, mustahil Ia buta. Bukti Allah itu melihat ialah teraturnya alam ini, jika Ia buta tentu akan kacau bilau segala macam urusan-Nya. Allah melihat semua gerak gerik segala sesuatu yang dikerjakan oleh manusia, di tempat manapun dan dalam keadaan bagaimana juga, serta tidak mungkin ada sesuatu yang terlepas dari penglihatan-Nya. Allah melihat tidak dengan mata ataupun alat lainnya. Dalam al-Qur'an dijelaskan: ليس كمثله شيء و هو السميع البصير (Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia, dan Dia lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat).[46]

13. *Kalām*, lawannya *Bukmun.* Ertinya wajib Allah s.w.t berkata, mustahil Ia bisu. Tanda Allah itu berkata adalah kebaharuan alam ini, kerana tidak mungkin alam ini dijadikan oleh Tuhan yang bisu, jika Ia bisu tentu tidak dapat memerintah dengan baik. Jadi, Allah itu berkata maksudnya adalah bahawa Allah sentiasa memberikan berbagai titah, larangan serta petunjuk-petunjuk kepada para malaikat dan makhluk-Nya, dengan cara (*kaifiat*) yang tidak dapat diduga atau dikhayalkan oleh manusia. Allah berkata bukan dengan menggunakan alat seperti lidah dan bibir, bukan juga dengan huruf, tetapi menurut apa yang patut dan layak bagi-Nya. Dalilnya firman Allah s.w.t.: وكلم الله موسى تكليما (Dan Allah telah berbicara kepada Musa dengan langsung).[47]

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

---

[45] Lihat Q.S. al-Zukhruf 43:80.
[46] Lihat Q.S. al-Shurā 42:11.
[47] Lihat Q.S. al-Nisā` 4:164.

D. Kelompok sifat *Ma`nawiyyah*, yakni beberapa sifat yang dibangsakan kepada *ma`na* yang berdiri bagi dhat Allah, kerana melaziminya. Sifat-sifat *ma`nawiyyah* itu ada tujuh,[48] iaitu sebagai berikut:

14. *Kaunuh Qādirun* lawannya *kaunuh `Ajizan*. Ertinya wajib Allah dengan 'keadaan-Nya yang Maha Kuasa', mustahil Ia dalam keadaan yang Maha Lemah. Sifat inilah yang melazimkan bagi-Nya kerana sifat *qudrat* yang dimiliki-Nya. Oleh kerana Tuhan mempunyai sifat *qudrat*, maka Ia tetap selalu dalam keadaan berkuasa dan tidak pernah berhenti sekecap matapun.

15. *Kaunuh Mūridan,* lawannya *Kaunuh Mukrahan*. Ertinya Allah itu selalu dalam keadaan yang Maha Berkehendak', mustahil Ia dalam keadaan tidak menghendaki. Sifat ini lazim bagi-Nya dengan sifat *Iradat*.

16. *Kaunuh `Āliman,* lawannya *Kaunuh Jahilan*. Ertinya Allah itu tetap selalu dalam keadaan mengetahui, mustahil Ia dalam keadaan tidak mengetahui. Sifat ini sejalan dengan sifat *`Ilm*-Nya.

17. *Kaunuh Hayyan,* lawannya *Kaunuh Mayyitan*. Ertinya Allah itu tetap selalu dalam keadaan hidup, mustahil Ia dalam keadaan mati. Inilah sebagai akibat dialektis sifat *Hayat*-Nya.

18. *Kaunuh Samī`an,* lawannya *Kaunuh `Asamman*. Ertinya Allah itu tetap selalu dalam keadaan mendengar, mustahil Ia dalam keadaan tuli. Sifat ini sesuai dengan sifat *Sama`* yang dimiliki-Nya.

---

[48] Penjelasan tentang sifat-sifat *ma`nawiyah* ini tidak lagi disertakan argumen rasional (*`aql*) dan juga dalil *naql*, kerana argumen tersebut sama dengan argumen yang mendasari sifat *ma`ānī* sepertimana yang telah dijelaskan terdahulu. Sifat-sifat *ma`nawiyah* ini biasa disebut dengan *Qādirun, Mūridun, `Ālimun, Hayyun, Samī`un, Bāṣirun* dan *Mutakallimun*.

19. *Kaunuh Bāṣiran,* lawannya *Kaunuh A`man.* Ertinya wajib Allah itu dalam keadaan melihat, mustahil Ia dalam keadaan buta, kerana Allah memiliki sifat *Baṣar.*

20. *Kaunuh Mutakalliman,* lawannya *Kaunuh Abkaman.* Ertinya Allah itu tetap selalu dalam keadaan berkata, mustahil Ia dalam keadaan bisu. Sifat ini sesuai dengan sifat *Kalām* yang dimiliki-Nya.

Di samping itu, ada lagi satu sifat yang *Jā'iz* atau harus bagi Allah s.w.t. iaitu "menjadikan atau meniadakan alam ini". Kerana *qudrat* dan *irādat* Allah amat sempurna, maka seluruh alam akan menerima tentang 'keberadaan' atau tentang 'ketiadaannya', kerana Allah s.w.t. Maha Kuasa mengadakan alam atau dan meniadakannya. Demikianlah keyakinan akidah masyarakat muslim Jambi tentang sifat-sifat yang wajib bagi Allah s.w.t. dan sifat-sifat yang mustahil bagi-Nya, sebagai lawan daripada sifat-sifat yang wajib tersebut.

Dari huraian di atas, tampak bahawa masyarakat muslim Jambi mengikuti fahaman teologi al-Ash`arī, tepatnya teologi al-Ash`ariyyah. Kerana di satu sisi, mereka masih konsisten dengan pendapat al-Ash`arī dan sisi yang lain pemahaman mereka lebih cenderung mengikuti pendapat-pendapat dari tokoh-tokoh al-Ash`ariyyah. Misalnya, mengenai jumlah sifat Tuhan, mereka lebih dekat kepada penadapat Sanusi, yang merumuskan sifat-sifat Tuhan itu kepada dua puluh sifat.

Namun demikian, secara keseluruhannya, mereka meyakini bahawa Tuhan mempunyai sifat. Ini tidak dapat dinafikan kerana perbuatan-perbuatannya, di samping menyatakan bahawa Tuhan mengetahui, menghendaki, berkuasa dan sebagainya, juga menyatakan bahawa Ia mempunyai pengetahuan, kemauan dan daya. Menurut al-Baghdadi, terdapat konsensus di kalangan kaum al-Ash`ariyyah bahawa

daya, pengetahuan, hayat, kemauan, pendengaran, penglihatan dan Sabda Tuhan adalah kekal.[49] Sifat-sifat ini, kata al-Ghazālī, tidaklah sama dengan esensi Tuhan, tetapi berwujud dalam esensi Tuhan itu sendiri.[50] Dengan kata lain, sifat-sifat itu bukanlah Tuhan, tetapi tidak pula lain daripada Tuhan.[51]

5.1.3 Kemungkinan Melihat Tuhan di Akhirat

Kajian menunjukkan bahawa majoriti masyarakat muslim Jambi cenderung berfaham bahawa manusia hanya dapat melihat apa yang diciptakan oleh Allah; manusia tidak mungkin dapat melihat Tuhan di dunia, tetapi di akhirat mungkin saja manusia dapat melihat Tuhan, tergantung dengan amal soleh yang mereka kerjakan. Sebab itu, kata Hj. Haviz Dahroni, kemungkinan melihat Tuhan di akhirat ini, hanya diperuntukan kepada orang-orang mukmin saja, sedangkan orang kafir tidak memperoleh kesempatan untuk melihat Tuhan di akhirat nanti dikeranakan oleh dosa-dosa mereka.[52]

Menurut Umar Yusuf,[53] jika kita menolak kemungkinan melihat Tuhan di akhirat, bererti kita menolak sekian banyak hadith sahih yang menjelaskan tentang kemungkinan melihat Tuhan di akhirat tersebut. Dengan demikian, kita mesti yakin dan percaya bahawa Tuhan akan dapat dilihat oleh manusia dengan mata kepala di akhirat nanti. Tentang bagaimana situasi dan keadaan melihat Tuhan tersebut, maka sekarang, manusia tidak dapat menggambarkannya dengan jelas, kerana yang demikian itu hanya Allah lah yang tahu. Namun, bagi hamba-Nya yang terpilih, yakni

---

[49] Lihat Abū Manṣūr `Abd al-Qāhir ibn Ṭahir al-Tāmimī al-Baghdādi, *Kitāb Uṣūl al-Dīn*, hal. 90.

[50] Lihat Muhammad al-Ghazālī, *al-Iqtiṣād fī al-I`tiqād*, hal. 138-139.

[51] Lihat Muhammad `Abduh, *Hasiyyah `alā al-`Aqīdah al-`Adūdiyyah*, hal.278.

[52] Hj. Haviz Dahroni, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 10 Jun 2002.

[53] Umar Yusuf, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 11 Jun 2002.

orang-orang yang beriman dan beramal soleh maka melihat Tuhan itu pasti terjadi, kerana melihat Tuhan tersebut merupakan sebuah nikmat yang besar bagi hamba-Nya yang beruntung.

Hj. Husin Abdul Wahab[54], seorang tokoh agama Jambi, berpendapat bahawa di akhirat nanti, semua orang mukmin dapat melihat Tuhan, yakni semasa mereka berada di dalam surga. Namun yang dilihatnya, yakni Tuhan, tetap tidak mengambil tempat. Hanya saja kadar mereka melihat Tuhan itu berbeza antara satu sama lainya, sesuai dengan kadar *ma`rifat* orang-orang tersebut semasa berada di dunia. Mereka menyebutkan bahawa melihat Tuhan itu 'sejenis' pahala tambahan bagi mereka yang berada dalam surga Allah; besar kecilnya 'pahala tambahan' itu diukur dengan kadar *ma`rifat* atau jasa para pelakunya. Jadi, ada yang melihat Tuhan hanya sekali saja untuk selamanya, ada yang dapat melihat Tuhan pada waktu pagi dan sore sahaja, dan ada yang selalu mendapat kesempatan untuk melihat-Nya, sesuai dengan jasanya tadi.

Selain itu, ada pula yang berpendapat bahawa tidak mustahil melihat Tuhan semasa berada di dunia ini bagi orang yang mampu, jika Allah s.w.t. menghendakinya, sebagaimana Allah dapat menciptakan mata manusia dapat melihat yang sebelumnya tidak dapat dilihatnya. Sebagai ilustrasi, K.H. Yahya Qadir enceritakan bahawa seseorang tidak mampu melihat malaikat maut yang datang pada orang lain, sementara orang yang didatanginya dapat melihat malaikat tersebut kerana Tuhan membuat matanya dapat melihatnya. Manusia juga tidak mampu melihat kuda dan kucing dalam kegelapan malam; sementara kuda dan kucing serta banyak binatang yang lain dapat melihat manusia di tengah kegelapan malam kerana Tuhan menciptakan mata binatang tersebut dapat melihatnya.[55] Kerana itu, jika Tuhan

---

[54] Hj. Husin Abdul Wahab, Wawancara dengan penulis, Jambi, 18 Jun 2002.
[55] K. H. Yahya Qadir, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 20 November 2002.

menghendaki orang-orang tertentu dapat melihat-Nya di dunia, maka ia akan mampu melihat-Nya. Argumen ini lebih diperjelas dengan pernyataan bahawa Allah tidak menciptakan mata manusia dapat melihat-Nya di dunia ini, tetapi Tuhan akan menciptakan penglihatan manusia mampu melihat-Nya di akhirat.[56]

Selain itu, mereka berpendapat bahawa yang tidak mungkin dapat dilihat itu hanyalah yang tidak mempunyai wujud sahaja, sedangkan yang mempunyai wujud semuanya dapat dilihat. Oleh kerana Allah berwujud, maka Ia dapat dilihat.[57] Inilah 'kata-kata' yang mereka ungkapkan untuk memberikan keyakinan bahawa Tuhan itu dapat dilihat. Ungkapan tersebut kelihatannya sama dengan dalil yang dikemukakan oleh kaum al-Ash`ariyyah dalam memperkuatkan pendapatnya tentang masalah melihat Tuhan ini.[58] Tuhan melihat apa yang ada termasuk melihat diri-Nya sendiri; kalau Tuhan melihat diri-Nya, maka Ia akan dapat membuat manusia boleh melihat Tuhan.[59]

Untuk lebih meyakinkan pandangannya, sebahagian dari tokoh agama Jambi, mengemukakan dalil-dalil dari al-Qur'an dan al-Hadith. Di antara argumen yang dimajukan oleh mereka ialah firman Allah yang berbunyi:

وجوه يومئذ ناضرة إلى ربها ناظرة

Maksudnya:
Wajah-wajah (orang-orang mukmin) pada hari itu berseri-seri, kepada tuhannyalah mereka melihat.

Surah al-Qiyāmah (75):22-23.

---

[56] Lihat al-Baqillānī, *Tamhīd,* hal. 316.

[57] Pandangan mereka tersebut, agaknya terrefleksi dari doktrin akidah yang mereka fahami selama ini. Meskipun mereka tidak mengetahui secara mendalam tentang bagaimana wujud Allah itu, tetapi mereka tetap yakin dan percaya bahawa Allah s.w.t. dapat dilihat dengan mata kepala di akhirat nanti.

[58] Lihat Abū Ḥasan ibn Ismā`īl al-Ash`arī, *al-Ibānah,* hal. 16.

[59] Lihat *Ibid.*

Dalam menafsirkan ayat tersebut, mereka juga mengutip pendapat al-Ash`arī. Mereka menjelaskan bahawa kata *nāẓirah* dalam ayat itu tidak dapat bererti memikirkan, kerana akhirat bukanlah tempat berpikir. Juga tidak dapat bererti menunggu, kerana *wujūh*, iaitu muka atau wajah tidak dapat menunggu, yang menunggu, kata al-Ash`arī, ialah manusia. Oleh kerana itu, kata *nāẓirah* mestilah bererti melihat dengan mata.

Di samping ayat di atas, mereka juga mengemukakan dalil dari hadith Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:[60]

انكم سترون ربكم كما ترون هذاالقمر

Maksudnya:
Sesungguhnya kamu akan melihat Tuhanmu sebagaimana kamu melihat bulan ini.

Hadith di atas merupakan jawapan dari pertanyaan para sahabat kepada Nabi Muhammad s.a.w., yang menceritakan bahawa para sahabat pernah bertanya kepada Rasulullah s.a.w. "Apakah mereka akan melihat Tuhan di hari kiamat nanti". Rasul menjawab, bahawa mereka akan melihat-Nya seperti kamu melihat bulan.[61] Dalam hadith tersebut terlihat bahawa para sahabat tidak bertanya tentang 'apakah mereka akan mengetahui Tuhan' (*hal na`lam Rabbanā*). Oleh kerana itu, menurut sebahagian responden, tidak syak lagi tentang adanya *ru'yat Allah,* sebagaimana tidak ada keragu-raguan melihat bulan di malam purnama.

Berdasarkan argumentasi yang diajukan di atas, maka masayarakat muslim Jambi lebih yakin dan percaya bahawa Tuhan memang dapat dilihat oleh manusia di akhirat nanti, iaitu oleh orang-orang beriman yang mendapatkan karunia daripada Allah s.w.t.

---

[60] Lihat Abū `Abd Allah Muhammad ibn Ismā`īl ibn al Mughīrah ibn Barzabah al-Bukhārī,*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,Jil. 1, Kitāb al-Mawāqit, Mesir: Bab Fadl Solāh al-Fajr, No. 26, Dār al-Jail, t.th., hal. 150.
[61] Lihat Abū al-Ḥasan ibn Ismā`īl al-Ash`ari, *al-Ibānah,* hal. 31.

Dari huraian di atas, tampak bahawa masyarakat muslim Jambi lebih cenderung mengikuti pemahaman teologi al-Ash`arī, meskipun sesekali mengikuti pandangan yang dikemukakan oleh tokoh al-Ash`ariyyahnya. Misalnya, pendapat yang mengatakan bahawa Tuhan mungkin saja dapat dilihat oleh orang tertentu semasa berada di dunia; iaitu pemahaman yang diambil dari pendapat al-Baqillānī, seorang tokoh al-Ash`ariyyah. Namun demikian, mereka lebih tepat dikatakan sebagai pengikut setia al-Ash`arī dalam masalah *ru'yat* Tuhan ini. Al-Ash`ari menyatakan bahawa Tuhan tidak dapat dilihat di dunia, tapi Ia akan dapat dilihat oleh manusia dengan mata kepala di akhirat nanti. Faham ini sejajar dengan pendapat mereka yang menyatakan bahawa Tuhan mempunyai sifat-sifat *tajassum* atau anthropomorphis, sungguhpun sifat-sifat itu tidak sama dengan sifat jasmani manusia yang ada dalam alam materi ini. Tuhan berkuasa mutlak dan dapat mengadakan apa saja yang dikehendaki-Nya. Sebaliknya, akal manusia lemah dan tidak selamanya sanggup memahami perbuatan dan ciptaan Tuhan. Apa saja, sungguhpun itu bertentangan dengan pendapat akal manusia, dapat dibuat dan diciptakan oleh Tuhan. Dengan demikian, melihat Tuhan, yang bersifat immateri, dengan mata kepala tidaklah mustahil. Manusia akan dapat melihat Tuhan, jika Tuhan menghendaki yang demikian itu.

5.1.4 Kalām Tuhan: al-Qur'an bersifat qadīm ?

Hasil kajian mendapati bahawa majoriti masyarakat muslim Jambi berkeyakinan bahawa al-Qur'an itu adalah *Qadīm* dan bukan diciptakan kerana ia merupakan *Kalām* Allah. Di samping itu, *kalām* itu adalah sifat Allah, yang tidak terpisahkan daripada-Nya. Jadi, ia *qadīm* seperti *dhat*-Nya. Dengan perkataan lain, *Kalām* Allah adalah *Kalām Nafsi* yang bukan lafaz dan bukan juga huruf. Lain halnya

Tuhan adalah salah satu dari sifat-sifat dhat-Nya, seperti *`ilm, iradat, qudrat* dan sebagainya. Jadi, *kalām* Tuhan merupakan sifat bagi-Nya, kerana ia merupakan perkataan-Nya. Tidak ada yang menyerupai sifat-sifat Tuhan. Allah mempunyai kata-kata, oleh kerana itu Dia disebut *Mutakallīm. Kalām*-Nya *qadīm*, bukan makhluk. Dengan demikian, *kalām*-Nya tidak baharu.

Menurut Aḥmad Tarmizī[62], *kalām* Allah tidak boleh disamakan dengan ibarat atau hikayat. Juga tidak boleh diserupakan dengan sifat-sifat manusia. Demikian pula lafaz al-Qur'an tidak boleh dikatakan makhluk, atau bukan yang lain daripada makhluk. *Kalām* Allah itu *qadīm,* sebagaimana yang diisyaratkan dalam salah satu ayat yang berbunyi: ألا له الخلق والأمر (Ingatlah, menciptakan dan memerintah hanyalah hak Allah).[63] Ahmad Tarmizi menyatakan bahawa, terdapat perbezaan antara perkataan 'ciptaan' (*al-khalq*) dengan 'perintah' (*al-amr*), dalam ayat tersebut. Perintah (*al-amr*) bukan makhluk. *Kalām*-Nya terdiri daripada perintah (*al-amr*), larangan (*al-nahy*) dan berita (*al-khabr*).

Di samping itu, ada yang berpendapat bahawa al-Qur'an yang ada ini memang diciptakan oleh Allah, tetapi isinya senada dengan isi kandungan *kalām* yang ada pada dhat Allah s.w.t. Maksudnya, *kalām* Allah itu tidak hilang-hilang atau tidak terlepas dari diri Tuhan dan tidak berhenti pada-Nya, lalu disisihkan sebahagian makna yang dikehendaki-Nya untuk dinampakkan kepada manusia sehingga itulah yang dijadikan Allah lafaznya supaya dengannya ada erti; dan ertinya ini sama dengan maksud yang ada di dalam *kalām nafsi* itu. Kerana bersamaan maksud yang ada dalam al-Qur'an dengan maksud yang ada pada dhat Allah, maka al-Qur'an lalu dikatakan juga *kalām* Allah. Namun demikian, *Kalām Nafsi* itu tetap ada pada dhat Allah, hanya

---

[62] Ahmad Tarmizi, Wawancara dengan penulis, Jambi, 16 Juni 2002.
[63] Lihat Q.S. al-A`rāf 7:54.

saja tidak sama seperti al-Qur'an yang ada ini, kerana ia tanpa suara dan tanpa huruf. Lalu Tuhan buatkan lafaznya di *lūh al-maḥfūz* dengan dilengkapi erti bagi setiap huruf-hurufnya.

Dari keterangan di atas dapat diambil suatu ketegasan bahawa keyakinan, masyarakat muslim Jambi, tentang *kalām* Allah merupakan rekonstruksi dari pemahaman teologi al-Ash`ariyyah. Mereka mempercayai bahawa Al-Qur'an adalah *kalām* Allah. *Sifat kalām* Allah itu adalah *qadīm* pada dhat Tuhan. Al-Qur'an yang ditulis di *lūh al-maḥfūz*, yang dibawa oleh malaikat Jibrīl untuk disampaikan kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang kemudian ditulis dalam *muṣḥaf* sekarang ini adalah makhluk (tidak *qadīm*). Al-Qur'an ini tidak menunjukan "kalam Allah" yang *qadīm* pada dhat-Nya, tetapi pengertian lafaz-lafaz ini sama dengan pengertian yang ada pada *kalām* Allah yang *qadīm* itu. Pemahaman tersebut lebih cenderung kepada pendapat al-Baqillānī. Meskipun antara al-Ash`arī dan al-Baqillānī sependapat mengenai *kalām* Allah sebagai sifat bagi-Nya. Namun mereka berbeza pandangan tentang *kalām* sebagai sifat. Menurut al-Ash`arī, *kalām* itu merupakan sifat yang berdiri sendiri. Sementara menurut al-Baqillānī, *kalām* Allah itu adalah sifat bagi dhat-Nya, ada kerana dhat-Nya dan bukan kerana yang lain. Namun demikian, baik al-Ash`arī mahupun al-Baqillānī mengatakan bahawa secara hakiki *kalām* Allah itu adalah apa yang dapat dihafal dalam hati, diucapkan dan dibaca dengan lisan, ditulis di dalam kitab, bukan dalam erti kiasan dan bukan pula merupakan *hal* yang terjadi pada sesuatu selain Tuhan.

Pemahaman, masyarakat muslim provinsi Jambi, mengenai al-Qur'an sebagai *kalām* Allah s.w.t. adalah berkaitan dengan keyakinan mereka terhadap Kitab Suci, yang diterima Rasulullah s.a.w. dengan perantaraan malaikat-Nya. Keyakinan ini

terrefleksi dari doktrin akidah yang mereka imani. Dalam rukun Iman disebutkan bahawa orang Islam wajib percaya kepada: 1) Allah; 2) Rasul-rasul-Nya; 3) Malaikat-malaikat Allah; 4) Kitab-kitab Allah; 5) Hari kemudian (kiamat); dan percaya kepada Qaḍā dan Qadr.[64] Sehubungan dengan itu, selain al-Qur'an, mereka juga percaya bahawa Allah s.w.t. telah menurunkan kitab-kitab kepada beberapa orang Rasul, dengan perantaraan Malaikat Jibrīl untuk memelihara shari`at yang akan memberikan manfaat kepada seluruh manusia.

Kemudian, mereka juga berpendapat bahawa kitab-kitab suci yang diturunkan Tuhan kepada Rasul-rasul-Nya itu adalah banyak, kerana Rasul pun banyak. Tetapi, yang terkenal dan wajib dipercayai oleh umat Islam dengan terperinci hanya empat, iaitu:

1) Kitab Taurāt, iaitu Kitab Allah yang diturunkan kepada Nabi Allah Mūsa a.s. dalam bahasa Ibrānī, yang berisikan *`aqā`id* yang benar, hukum shari`at, dan riwayat tentang kedatangan Nabi Muhammad, nabi akhir zaman.

2) Kitab Zabūr, yakni kitab Allah yang diturunkan kepada Nabi Dāwūd a.s. dalam bahasa Ibrānī. Di dalamnya terkandung do`a, zikir, nasehat dan hukum, tetapi tidak ada di dalamnya shari`at, kerana shari`at nabi Dāwūd a.s. adalah meneruskan shari`at yang terdahulu.

3) Kitab Injīl, yakni kitab Allah yang diturunkan kepada Nabi `Isā a.s. dengan bahasa Suryani. Di dalamnya menyatakan hakikat, menyeru sekalian manusia untuk mentauhidkan Allah, berisikan hukum shari`at serta riwayat tentang akan dibangkitkannya seorang rasul yang bernama 'Muhammad', dan tidak ada lagi rasul sesudahnya. Dalam konteks ini, mereka mengatakan bahawa kitab Injil yang

[64] Lihat Sirāj al-Dīn `Abbās, *I`tiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah,* Jakarta: Pustaka Tarbiyyah, 1971, hal. 34; Rashid Nasr, *Rintisan Tauhid,* Bandung: al-Ma`ārif, t.th, hal. 7.

diturunkan kepada Nabi `Isā a.s. itu telah banyak berubah sehingga kita tidak boleh lagi mempercayai kitab Injīl yang ada sekarang.

4) Kitab al-Qur'an, yakni kitab Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Diturunkan dengan perantaraan malaikat Jibrīl dan segala sesuatu yang termuat di dalamnya kekal sampai hari kiamat, tanpa mengalami perubahan dan pergantian. Al-Qur'an adalah mukjizat[65] yang diberikan Allah kepada nabi Muhammad s.a.w. dan isi kandungannya bersesuaian dengan akal sihat, dapat diterima dan difahami oleh orang-orang yang mahu berpikir.

Al-Qur'an dikhususkan sebagai nama bagi kitab yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w., sehingga al-Qur'an menjadi nama khas kitab itu. Sebahagian ulama menyebutkan bahawa penamaan kitab ini dengan nama al-Qur'an, di antara kitab-kitab Allah, kerana kitab al-Qur'an mencakup inti dari kitab-kitab-Nya, bahkan mencakup inti dari semua ilmu. Hal ini diisyaratkan dalam firman Allah s.w.t.:

ونزلنا عليك الكتاب تبيانا لكل شيء

Maksudnya:
Dan Kami turunkan kepadamu al-Kitab (al-Qur'an) sebagai penjelasan bagi segala sesuatu.

Surah al-Nahl (16):89.

Dan firman Allah s.w.t.:

ما فرطنا في الكتاب من شيء

Maksudnya:
Dan tiada Kami alpakan sesuatu pun di dalam al-Kitab ini (al-Qur'an).

Surah al-An`ām (6):38.

---

[65] Mukjizat adalah sesuatu yang luar biasa atau suatu kelebihan yang terdapat pada Nabi dan Rasul, sebagai bukti kenabian dan kerasulannya.

Selain dari empat kitab tersebut di atas, mereka juga mempercayai bahawa Allah s.w.t. juga telah menurunkan beberapa *suḥuf* kepada para nabi yang lain, jika dikumpulkan *suḥuf-suḥuf* tersebut maka jumlahnya menjadi 114 *suḥuf*, iaitu:

1) Kitab yang diturunkan kepada Nabi Adam a.s. berjumlah 10 *Suḥuf*;

2) Kitab yang diturunkan kepada Nabi Shith, ada 50 *Suḥuf*,

3) Kitab yang diturunkan kepada Nabi Idris, ada 30 *Suḥuf*,

4) Kitab yang diturunkan kepada Nabi Ibrāhīm, berjumlah 10 *Suḥuf*,

5) Kitab yang diturunkan kepada Nabi Mūsa a.s. yakni sebelum beliau menerima kitab Taurāt, berjumlah 10 *Suḥuf*.

Kebanyakan kitab suci tersebut di atas, menurut pengetahuan dan keyakinan mereka, seperti diungkapkan Hj. Abd. Roni Umar,[66] diturunkan ke dunia ini pada bulan Ramadan. Misalnya, *suḥuf* Nabi Ibrāhīm a.s. diturunkan pada tanggal 1 Ramaḍān. Kitab Taurāt diturunkan pada tanggal 6 Ramaḍān, yakni lebih kurang 700 tahun sesudah *suḥuf* Nabi Ibrāhīm. Kitab Zabūr diturunkan pada tanggal 12 Ramadan, iaitu lebih kurang 500 tahun sesudah kitab Taurāt. Kitab Injīl, diturunkan kepada Nabi `Isā a.s. pada 16 Ramaḍān, yakni lebih kurang 1200 tahun sesudah kitab Zabūr. Begitu juga kitab al-Qur'an, permulaan turunnya adalah pada bulan Ramaḍān, yakni tanggal 17 Ramaḍān, lebih kurang 600 tahun sesudah kitab Injīl.

Dalam keyakinan masyarakat Islam Jambi, al-Qur'an sebagai kitab Suci, mengandung sabda Tuhan (*Kalām* Allah), yang melalui wahyu disampaikan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Dalam al-Qur'an dijelaskan:

---

[66] Hj. Abd. Roni Umar, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 03 Januari 2001.

وما كان لبشر أن يكلمه الله إلا وحيا أو من وراء حجاب أو يرسل رسولا فيوحي بإذنه ما يشاء إنه علي حكيم

Maksudnya:
Tidaklah dapat dijadikan pada manusia bahawa Tuhan berbicara dengannya kecuali melalui wahyu, atau dari belakang tabir, ataupun melalui utusan yang dikirim; maka disampaikanlah kepadanya dengan seizin Tuhan apa yang dikehendakinya. Sesungguhnya Tuhan Maha Tinggi lagi Maha Bijaksana.

Surah al-Shurā (42):51.

Bertolak dari ayat tersebut, dapat dikatakan bahawa wahyu itu ada tiga macam: *Pertama*, wahyu dalam bentuk pengertian atau pengetahuan yang tiba-tiba dirasakan oleh seseorang dalam dirinya; muncul dengan tiba-tiba sebagai suatu cahaya yang menerangi jiwanya. *Kedua,* wahyu yang berupa pengalaman dan penglihatan dalam keadaan tidur atau dalam keadaan *trance, ru'yat* atau *kashf* (*vision*). *Ketiga,* wahyu dalam bentuk yang diberikan melalui utusan atau malaikat, iaitu Jibrīl. Wahyu serupa ini disampaikan dalam bentuk kata-kata.

Adapun wahyu yang diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w. adalah wahyu dalam bentuk ketiga, seperti dijelaskan dalam al-Qur'an:

وإنه لتنزيل رب العالمين نزل به الروح الأمين على قلبك لتكون من المنذرين بلسان عربي مبين

Maksudnya:
Sesungguhnya ini adalah wahyu Tuhan semesta alam, dibawa turun oleh ruh setia ke dalam hatimu agar engkau dapat memberikan ingatan dalam bahasa Arab yang jelas.

Surah al Shu'arā (26):192-195.

Dan firman Allah s.w..t:

قل نزله روح القدس من ربك بالحق ليثبت الذين ءامنوا وهدى وبشرى للمسلمين

Maksudnya:
Katakanlah, ruh suci membawakannya turun dengan kebenaran dari Tuhanmu, untuk meneguhkan hati orang yang percaya dan untuk menjadi petunjuk serta kabar gembira bagi yang berserah diri.

Surah al-Nahl (16):102.

Yang dimaksud dengan 'ruh setia' atau 'ruh suci', dalam ayat di atas, adalah Jibril; sesuai dengan firman Allah yang berbunyi:

قل من كان عدوا لجبريل فإنه نزله على قلبك بإذن الله مصدقا لما بين يديه وهدى وبشرى للمؤمنين

Maksudnya:
Katakanlah siapa yang menjadi musuh Jibril? Maka ia (Jibril) lah sebenarnya yang membawanya turun ke dalam hatimu dengan seizin Tuhan untuk membenarkan apa yang (datang) sebelumnya dan untuk menjadi petunjuk serta kabar gembira bagi orang yang percaya.
Surah al-Baqarah (2):97.

Dalam hadith Rasulullah s.a.w. juga dijelaskan bahawa wahyu yang disampaikan kepada nabi Muhammad s.a.w. adalah melalui malaikat Jibrīl. Dalam suatu hadith,[67] 'Aishah mengemukakan tentang, bagaiamana Jibrīl merangkul Nabi hingga Baginda merasa kesakitan ketika menerima wahyu yang pertama dan menyuruhnya membaca: "Bacalah dengan nama Tuhan Yang menciptakan manusia dari segumpal darah, Baca dan Tuhanmu Maha Pemurah".[68]

Sewaktu Rasulullah s.a.w. ditanya, bagaimana caranya wahyu turun kepada Nabi? Baginda s.a.w. menerangkan: "Wahyu itu terkadang turun sebagai suara lonceng dan inilah yang terberat bagiku. Kemudian ia (Jibrīl) pergi dan aku pun sudah mengingat apa yang diturunkannya. Terkadang malaikat itu datang dalam bentuk manusia, berbicara kepadaku dan aku pun mengingat apa yang dikatakannya".[69] Dalam hadith lain, yang berasal daripada Ibnu `Abbās, menjelaskan

---

[67] Lihat al-Bukhāri, *Sahih al-Bukhārī*, Jil. hal. 3.
[68] Lihat Q.S. al-`Alaq 96:13.
[69] Lihat Ibn Hajar al-Asqālānī, *Fath al-Bārī bi Sharh Sahih al-Bukhārī*, Penyunting, Tahā `Abd al-Ra'uf Sa`ad, Muṣtafā Muhammad al-Hawārī, Kaherah: Maktabah al-Kulliyyah al-Azhāriyyah , Jil. 1., 1978, hal. 12.

bahawa pada bulan-bulan Ramaḍān, Jibrīl selalu turun untuk mendengar dan memperbaiki bacaan Nabi mengenai ayat-ayat yang diturunkan kepadanya".[70]

Berdasarkan ayat-ayat dan hadith-hadith, seperti di atas, maka orang Islam mempunyai keyakinan bahawa apa yang terkandung dalam al-Qur'an itu adalah wahyu Tuhan. Dengan perkataan lain, teks Arab yang ada dalam Kitab Suci itu adalah wahyu daripada Tuhan. Kata-kata Arab yang lain, sungguhpun sinonimnya, tidak diakui sebagai wahyu, apalagi terjemahannya dalam bahasa asing.[71]

Wahyu dalam bentuk kata-kata disampaikan kepada Nabi Muhammad s.a.w. tidak secara sekaligus, tetapi dengan sepotong demi sepotong dalam masa kurang lebih dua puluh tiga tahun. Dalam hal ini, setiap wahyu turun, Nabi Muhammad s.a.w. menyampaikannya kepada para sahabatnya untuk dihafal dan dicatat. Zaid bin Thābit adalah setia usaha utama dalam mencatat tulisan dalam ayat-ayat yang diturtunkan itu.

Selain dari Zaid bin Thābit, disebut juga nama-nama sahabat lain yang disuruh oleh Nabi s.a.w. untuk mencatat wahyu; seperti Abū Bakr, Uthmān, `Umar ibn al-Khaṭṭāb, `Alī bin Abū Ṭālib, Zubair ibn `Awwām, `Abd Allah ibn Sa`ad dan Ubai ibn Ka`āb. Ayat-ayat tersebut ditulis di atas batu, tulang, pelepah kurma, dan lain-lain. Mereka ini adalah para penghafal profesional, yang besar peranannya dalam zaman Jahiliah[72] dan penting pula peranannya dalam sejarah pengumpulan ayat-ayat al-Qur'an dalam bentuk buku seperti yang dikenal sekarang. Pengumpulan dan penulisan

---

[70] Lihat al-Bukhārī, *Saḥih al-Bukhārī*, Jil. 1., hal. 6.

[71] Dalam konteks ini, wahyu menurut faham Islam, berbeza dari wahyu menurut faham agama lain, misalnya agama Kristian, yang menyatakan bahawa Injil dalam teksnya bukanlah wahyu, yang wahyu hanyalah isi yang dikandung dalam teks itu. Maka terjemahannya dalam bahasa-bahasa asing dianggap sama kuatnya dengan wahyu (Injil). Atas dasar ini, ada kaum orientalis yang mengatakan bahawa sabda Tuhan dalam Islam menjelma menjadi al-Qur'an, sedangkan dalam agama Kristian sabda Tuhan menjelma menjadi Yesus. Lihat Harun Nasution, *Islam Rasional Gagasan dan Pemikiran*, Bandung: Mizan, Cet. 3, 1995, hal. 18.

[72] Pada zaman Jahiliah, merekalah yang menghafal sha`ir-sha`ir Arab dalam keseluruhannya dan mereka juga yang menyebarkannya ke daerah-daerah serta meneruskannya dari generasi ke generasi.

ayat-ayat itu dalam bentuk buku, terjadi kurang lebih satu setengah tahun setelah wafatnya Rasulullah s.a.w.; yakni setelah para sahabat penghafal al-Qur'an banyak yang gugur dalam peperangan yang terjadi di zaman Abū Bakr.

Kerana banyak para penghafal al-Qur'an gugur dalam peperangan, maka dikhawatirkan ayat-ayat al-Qur'an akan ikut hilang. Oleh kerana itu, atas anjuran `Umar ibn al-Khaṭṭāb, maka Abū Bakr al-Ṣiddīq memerintahkan Zaid ibn Thābit dan sahabat yang lain untuk mengumpulkan ayat-ayat yang ditulis di atas batu, tulang, pelepah kurma dan yang dihafal oleh sahabat-sahabat tersebut untuk dijadikan dalam bentuk satu buku. Buku yang satu ini kemudian diperbanyak eksemplarnya oleh `Uthmān ibn al-`Affān (644-655), dan dikirimkan ke daerah-daerah untuk menjadi pegangan tertulis bagi umat Islam yang ada di sana. Dari teks `Uthmān inilah salinan-salinan selanjutnya ditulis dan dicetak.

Berdasarkan atas pensejarahan yang jelas tersebut, maka umat Islam berkeyakinan bahawa teks al-Qur'an yang dibaca oleh umat Islam sekarang benar-benar sesuai dengan apa yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Dengan demikian, jelas bahawa teks al-Qur'an adalah asli dari Tuhan, dan wahyu yang Nabi s.a.w. terima dari Tuhan melalui Jibrīl adalah dalam bentuk kata-kata yang didengar dan dihafal, bukan dalam bentuk pengetahuan yang dirasakan dalam hati atau yang dialami, dan bukan pula yang dilihat dalam keadaan tidak sedar (*trance*).

Jadi, berdasarkan kepada keyakinan tersebut, mereka mengatakan bahawa al-Qur'an, sebagai *kalām* Allah, ialah wahyu[73] yang disampaikan secara berangsur angsur kepada Nabi Muhammad s.a.w. sebagai utusan Allah dengan perantaraan

[73] Wahyu ialah kalam Allah yang diturunkan kepada seorang nabi. Atau pengetahuan yang didapati seseorang dari dalam dirinya dengan disertai keyakinan pengetahuan itu datang daripada Allah, baik dengan melalui perantaraan ataupun tidak; yang pertama melalui suara yang terjelma dalam telinganya atau tanpa suara sama sekali. Lihat Manna` Khalil al-Qaṭṭān, *Mabāhith fī `Ulūm al-Qur`ān,* Diterjemah oleh Mudzakir "Studi Ilmu-Ilmu Qur'an, Jakarta, Litera Antar Nusa, 1992, hal. 34.

malaikat Jibrīl, untuk disampaikan kepada umatnya. Al-Qur'an juga sebagai tanda kerasulan Nabi Muhammad, dan sebagai pedoman bagi umat manusia khususnya umat Islam. Bersamaan dengan itu, ada juga yang mengatakan bahawa al-Qur'an adalah *Kalām* atau firman Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang merupakan ibadah bagi yang membacanya.

Menurut Hadri Hasan[74], perkataan "kalām", dalam definisi di atas, merupakan kelompok jenis yang meliputi segala kalām; dan dengan menghubungkannya kepada Allah (kalām Allah) bererti tidak termasuk semua kalām manusia, jin dan malaikat. Begitu pula dengan perkataan 'diturunkan", maka ia tidak termasuk *kalām* Allah yang sudah khusus menjadi milik-Nya. Dalam firman Allah dijelaskan:

قل لو كان البحر مدادا لكلمات ربي لنفد البحر قبل أن تنفد كلمات ربي ولو جئنا بمثله مددا

Maksudnya:

Katakanlah: Sekiranya lautan menjadi tinta untuk menuliskan Kalam Tuhanku, akan habislah lautan sebelum Kalam Tuhanku habis ditulis; sekalipun Kami berikan tambahannya sebanyak itu pula".

Surah al-Kahfī (18):109.

Dalam ayat yang lain Allah menjelaskan:

ولو أنما في الأرض من شجرة أقلام والبحر يمده من بعده سبعة أبحر ما نفدت كلمات الله

Maksudnya:
Dan seandainya pohon-pohon di bumi menjadi pena dan lautan menjadi tinta, ditambahkan sesudahnya tujuh lautan lagi, niscaya Kalam Allah tidak akan habis-habisnya.

Surah Luqmān (31):27.

---

[74] Hadri Hasan, Wawancara dengan penulis, Jambi, 16 Juni 2002. Hadri Hasan adalah salah seorang anggota Majlis Ulama Provinsi Jambi dan juga merupakan seorang pensyarah Tafsir di Fakultas Shari'ah IAIN Jambi.

Di samping itu, perkataan "diturunkan" itu juga memberikan batasan tentang apa yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w., tidak termasuk sesuatu yang diturunkan kepada nabi-nabi sebelumnya, seperti Taurāt, Zabūr dan Injīl.

5.2 KEKUASAAN TUHAN DAN PERANANNYA DALAM KEHIDUPAN MANUSIA

Manusia merupakan tokoh sentral yang termuat di dalam al-Qur'an. Ada beberapa kata di dalam al-Qur'an yang menunjuk kepada pengertian manusia. Misalnya, kata *ins* disebut 18 kali, *insān* disebut 65 kali, kata *unās* lima kali, *anāsī* dan *insī* masing-masing satu kali, bahkan kata *nas* diulang sampai 240 kali. Selain itu, juga terdapat kata *bashar* yang disebutkan sebanyak 36 kali, kata *basharain* satu kali, kata *mar`* empat kali, kata *imr`* tujuh kali, perkataan *imra'ah* 25 kali. Di samping itu, terdapat pula kata-kata yang menunjukkan tentang sifat-sifat manusia. Misalnya, kata *qaum* sebanyak 206 kali, kata *ummah* 51 kali, perkataan *umam* sebanyak 13 kali, dan perkataan *qaryah* sebanyak 33 kali. Kategori terakhir ini, dapat dikatakan *ulū al-bāb* yang disebutkan sebanyak 16 kali, *ulū al-abṣār* terdapat tiga kali, *al-mu'minūn* sebanyak 179 kali, dan *al-kāfirūn* 129 kali.[75] Di samping disebutkan berulang kali di dalamnya, Kitab al-Qur'an juga dimaksudkan sebagai petunjuk dan penjelasan bagi manusia.[76] Oleh kerana itu, al-Qur'an hanya berbicara kepada manusia, meskipun ia berbicara tentang berbagai hal, namun manusia adalah salah satu dari makhluk-makhluk Allah. Ia mempunyai sifat-sifat yang sama dengan sifat-sifat makhluk lain dan diciptakan dari unsur-unsur yang juga terdapat pada makhluk lainnya.

---

[75] Untuk penjelasan lanjut, lihat Muhammad Fuād `Abd al-Bāqī, *Mu'jām al-Mufahras li al-Fāẓ al-Qur'ān al-Karīm*, Beirut: Dār al-Fikr, 1981.
[76] Lihat, misalnya, Q.S. al-Baqarah 2:185.

5.2.1 Manusia di Hadapan Kekuasaan Allah

Dalam konteks pemahaman tentang kekuasaan Tuhan dan hubungannya dengan kehidupan manusia sangat erat kaitannya dengan bagaimana memahami fungsi wahyu, kekuatan akal serta kekuasaan manusia atas kehendak dan perbuatannya. Bagi aliran yang berpendapat bahawa akal manusia mempunyai daya yang besar dan manusia bebas serta berkuasa atas kehendak dan perbuatannya sendiri, maka kekuasaan dan kehendak mutlak Tuhan tidak lagi bersifat mutlak semutlak-mutlaknya. Pandangan tersebut dikemukakan oleh kaum Muktazilah. Menurut mereka, kekuasaan Tuhan sebenarnya tidak bersifat mutlak lagi, tetapi dibatasi oleh kebebasan yang telah diberikan-Nya kepada manusia dalam menentukan kemauan dan perbuatan mereka, kemudian dibatasi pula oleh sifat keadilan Tuhan itu sendiri, kewajipan-kewajipan Tuhan terhadap manusia, bahkan dibatasi pula oleh hukum alam (*sunah Allah*) yang ditetapkan oleh Tuhan sendiri.

Pada umumnya, pemahaman demikian tidak dijumpai di kalangan masyarakat muslim di provinsi Jambi, kerana mereka yakin dan percaya akan kemutlakkan kekuasaan dan kehendak Tuhan. Bahkan mereka menganggap akal atau dirinya 'tabu' (merasa kurang pas) untuk mengatakan bahawa kekuasaan dan kehendak Tuhan itu ada batasannya; misalnya, dibatasi oleh adanya hukum alam. Yang demikian itu tidak mungkin, sebab Tuhan berkuasa dan berkehendak semutlak-mutlaknya. Sehubungan dengan itu, mereka mengatakan bahawa Tuhan tidak tunduk kepada siapa pun juga, di atas-Nya tidak terdapat sesuatu yang mungkin berkuasa dan berkehendak menentukan apa yang boleh dan yang tidak boleh dilakukan oleh Tuhan, Dialah yang kuasa untuk

menentukan segala-galanya tanpa bergantung kepada sesuatu yang lain. Pemahaman seperti ini sesuai dengan faham teologi al-Ash`arī.[77]

Selanjutnya, menurut keyakinan akidah masyarakat Islam Jambi, Allah s.w.t. itu Maha Berkuasa terhadap segala sesuatu, kekuasaan Allah tersebut tidak mempunyai batas. Hal ini selari dengan firman Allah s.w.t.:

إن الله على كل شيء قدير

Maksudnya:
Sesungguhnya Allah berkuasa atas segala sesuatu.
Surah al-Baqarah (2):20.

Jadi, segala sesuatu yang terjadi, berdasarkan kepada kudrat, iradat dan ilmu Allah s.w.t. Dengan demikian, segala perbuatan Allah seperti mencipta, memberikan rezeki, memberikan rahmat dan menyiksa adalah merupakan kehendak bebas dan kekuasaan yang mutlak daripada Allah s.w.t. Oleh kerana itu, Allah tidak mempunyai kewajipan-kewajipan kepada makhluk-Nya. Sehubungan dengan itu, mereka beranggapan bahawa tidak ada kewajipan bagi Allah untuk melakukan sesuatu sekalipun sesuatu yang baik dan yang terbaik, alasan mereka, kerana Allah mempunyai ikhtiar dan melakukan apa saja yang diingini-Nya, Ia memberikan pahala atas kemurahan-Nya dan menjatuhkan hukuman atau siksaan terhadap hamba-Nya berdasarkan keadilan-Nya. Di samping itu, Allah juga akan melaksanakan janji dan ancaman-Nya. Berkaitan dengan itu, mereka memahami 'keadilan' sebagai "penempatan sesuatu pada tempat yang sebenarnya", iaitu mempunyai kekuasaan mutlak terhadap harta yang dimiliki serta menggunakannya sesuai dengan kekuasaan dan kehendak mutlak pemiliknya. Sementara itu, ketidak-adilan diertikan sebagai

[77] Lihat Tesis ini, hal. 164, 165.

"menempatkan sesuatu tidak pada tempatnya", iaitu mempunyai kekuasaan mutlak terhadap milik orang lain.

Sejalan dengan pendapat di atas, mereka mengatakan bahawa Tuhan dapat berbuat apa saja yang dikehendaki-Nya, meskipun hal tersebut, menurut penilaian akal manusia, tidak adil. Dapatan ini menyokong pandangan al-Ash`arī, yang mengatakan bahawa Tuhan tidaklah berbuat salah kalau memasukkan seluruh manusia ke dalam surga dan tidak pula Tuhan zalim jika memasukan seluruh manusia ke dalam neraka. Perbuatan salah atau tidak adil adalah perbuatan yang melanggar hukum, dan kerana di atas Tuhan tidak ada hukum atau undang-undang, maka perbuatan Tuhan itu tidak akan bertentangan dengan undang-undang atau hukum,[78] dan perbuatan-Nya itu tetap dianggap adil. Tuhan memberikan upah atau pahala kepada manusia jika itu dikehendaki-Nya, dan memberikan hukuman atau dosa kepada manusia jika itu pula yang dikehendaki-Nya, bahkan, kata al-Ghazālī,[79] Tuhan boleh menghancurkan semua manusia jika demikian kehendak-Nya. Seandainya itu semua terjadi, maka ia tidak dapat dikatakan bertentangan dengan keadilan Tuhan.

Selanjutnya, menurut masyarakat muslim Jambi, perbuatan Allah s.w.t. itu terlepas dari semua sebab atau kehendak yang di luar diri-Nya. H. M. Chatib Quzwain, seorang Profesor teologi di IAIN Jambi, mengatakan bahawa sesungguhnya Allah s.w.t. menciptakan sesuatu bukanlah kerana sebab dan dorongan sesuatu yang berada di luar diri Tuhan. Tuhan menciptakan segala sesuatu dan juga menguasai segala sesuatu yang diciptakan-Nya itu, dan tidak akan ditanya tentang perbuatan-Nya tersebut.[80] Jadi, menurut doktrin akidah masyarakat Jambi, segala sesuatu yang terdapat pada jagat raya ini hanya Allah sendirilah yang menciptakannya. Dan

---

[78] Lihat Abū al-Ḥasan ibn Ismā`īl al-Ash`arī, *al-Lumā`*, hal. 71.
[79] Lihat Muhammad al-Ghazālī, *al-Iqtiṣād fī al-I`tiqād*, hal. 185.
[80] H. M. Chatib Quzwain, wawancara dengan penulis, Jambi, 12 Ogos 2002.

perbuatan Allah tersebut terpancar dari ilmu, kudrat dan iradat-Nya. Dengan perkataan lain, menurut kemauan bebas dan kekuasaan mutlak Tuhan.

Senada dengan itu, K. H. Sulaiman Abdullah, seorang tokoh ulama Jambi, mengatakan bahawa Sesungguhnya semua yang terjadi pada alam adalah perbuatan Allah dan ciptaan-Nya, tidak ada yang menciptakan sesuatu melainkan diciptakan oleh Allah. Maka Allah lah yang menciptakan makhluk serta memberikan kudrat dan gerak kepada mereka. Oleh itu, perbuatan hamba adalah diciptakan oleh Allah serta berhubungan dengan kekuasaan-Nya. Ini, kata Sulaiman, sesuai dengan firman Allah yang mengatakan bahawa Allah-lah yang menciptakan segala sesuatu.[81] Argumen ini merupakan inspirasi dari firman Allah yang berbunyi:

لله ما في السموات وما في الأرض وإن تبدوا ما في أنفسكم أو تخفوه يحاسبكم به الله فيغفر لمن يشاء ويعذب من يشاء والله على كل شيء قدير

Maksudnya:
Kepunyaan Allah-lah segala apa yang ada di langit dan di bumi. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hatimu, atau kamu menyembunyikannya, niscaya Allah akan membuat perhitungan dengan kamu, tentang perbuatan kamu itu. Maka Allah mengampuni siapa yang dikehendaki-Nya dan menyiksa siapa yang dikehendaki-Nya. Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.

Surah al-Baqarah (2):284.

Dengan demikian, Sulaiman Abdullah menolak pendapat bahawa Tuhan mempunyai tujuan dalam perbuatan-perbuatan-Nya. Dalam erti lain, Tuhan mempunyai tujuan dan atau ada sebab yang mendorong-Nya untuk berbuat sesuatu. Meskipun mereka memahami bahawa perbuatan Tuhan itu menimbulkan kebaikan dan keuntungan bagi manusia, dan Tuhan sendiri mengetahui kebaikan dan keuntungan tersebut, tetapi sama ada pengetahuan mahupun kebaikan dan keuntungan tersebut bukanlah menjadi pendorong bagi Tuhan untuk melakukan perbuatan-

[81] K. H. Sulaiman Abdullah, wawancara dengan penulis, Jambi, 23 November 2002.

perbuatan-Nya itu. Tuhan berbuat semata-mata kerana kekuasaan dan kehendak mutlak-Nya, bukan kerana tujuan untuk kepentingan manusia ataupun tujuan lainnya.

Jadi, menurut kepercayaan masyarakat muslim Jambi, Allah s.w.t. mempunyai kekuasaan yang mutlak. Dan segala perbuatan-Nya berdasarkan kepada ilmu, kudrat dan iradat-Nya. Oleh kerana itu, tidak satupun yang dapat memaksa terhadap diri-Nya dan Dia tidak mempunyai kewajipan terhadap siapapun, kerana semua yang wujud ini adalah milik-Allah s.w.t.

Di samping itu, pada umumnya, mereka percaya bahawa manusia juga diberi oleh Allah kudrat dan iradat, tetapi tidak terlepas dari pengawasan Allah. Wujudnya perbuatan-perbuatan dari manusia adalah dengan perantaraan kudrat yang diciptakan oleh Allah. Seseorang tidak mampu mengerjakan sesuatu perbuatan, sebelum Allah menciptakannya dan manusia memerlukannya dari Allah. Dan kudrat yang ada pada manusia tidak keluar dari ilmu-Nya. Muhsin Ham,[82] tokoh agama masyarakat Batanghari, menyatakan bahawasanya tidak ada pencipta selain daripada Allah, sedangkan perbuatan hamba diciptakan dan ditentukan oleh-Nya.

Jadi, jelaslah bahawa Allah mempunyai kekuasaan mutlak terhadap hamba-Nya, segala sesuatu di alam ini; baik, buruk, senang, susah, manis dan pahit adalah menurut ketentuan atau ketetapan Allah s.w.t. sendiri. Dan sesungguhnya segala kebaikan dan keburukan sudah menjadi *qaḍā* dan *qadar* Tuhan, dan manusia wajib beriman kepada *qaḍā* dan *qadar*-Nya itu. Mereka juga meyakini bahawa manusia tidak mempunyai kemampuan untuk menarik manfaat dan menjauhi mudarat kecuali kalau Allah yang menghendaki; segala sesuatu itu tidak akan terjadi kalau Allah tidak menghendaki-Nya. Fahaman akidah seperti ini, jelas merupakan rekontruksi dari

---

[82] Muhsin Ham, Wawancara dengan penulis, Jambi, 20 November 2002.

pendapat al-Ash`arī. Ini dapat dilihat dalam kitab *Maqālāt al-Islāmiyyīn,*[83] al-Ash`arī mengatakan bahawa sesungguhnya sesuatu yang baik dan buruk tidak akan terjadi di muka bumi kalau Allah tidak menghendakinya.[84]

Jadi, apa yang menimpa kepada manusia adalah merupakan "takdir" daripada Allah s.w.t. Erti *qadar* (*al-qadr*) atau "takdir" menurut bahasa al-Qur'an adalah "kadar" atau "ukuran". Allah menetapkan bagi seluruh makhluk-Nya, tanpa kecuali, ukuran, batas-batas tertentu dalam diri mereka, baik sifat mahupun perbuatannya. Mereka tidak dapat melampaui batas atau kadar tersebut. Matahari ditakdirkan Tuhan beredar pada sumbunya dalam waktu tertentu. Dia tidak dapat melampaui kadar yang ditetapkan itu. Firman Allah yang berbunyi:

والشمس تجري لمستقر لها ذلك تقدير العزيز العليم والقمر قدرناه
منازل حتى عاد كالعرجون القديم

Maksudnya:
Matahari berjalan di tempat peredarannya. Demikian takdir Yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui. Dan juga bulan Kami takdirkan baginya tempat-tempat beredar sampai akhirnya ia kembali terlihat seperti mayang yang tua.

Surah Yāsīn (36):38-19.

Jadi, segala sesuatu yang diciptakan Allah, ditetapkan baginya takdir.[85] Manusia tentu tidak terlepas dari takdir (ukuran) dan aturan-aturan yang ditetapkan Allah. Ia tidak dapat melampauinya. Mampukah manusia terbang tanpa alat sebagaimana burung? Tidak, kerana ada sebagian dari takdir Allah atasnya.

Peristiwa-peristiwa yang terjadi di alam raya ini, yang kejadiannya mengambil tempat, waktu, sifat dan kadar tertentu, dinamai "takdir Tuhan". Peristiwa-peristiwa tersebut berada dalam pengetahuan dan ketentuan-Nya, sedangkan ketentuan-

---

[83] Lihat Abū al-Ḥasan ibn Ismā`īl al-Ash`arī, *Maqālāt al-Islāmiyyīn,* hal. 321.
[84] Lihat hal. 164-166.
[85] Baca, antara lain, Q.S. al-Furqān 25:2; Q.S. al-Qamar 54:49; dan Q.S. al-Aḥzāb 33:38.

ketentuan-Nya itu dapat disimpulkan dalam ungkapan "Hukum-hukum Allah" atau yang sering secara salah erti disebut "Hukum-hukum Alam". Manusia berada di bawah hukum-hukum tersebut sehingga segala apa yang dilakukan oleh manusia tidak dapat terlepas darinya atau, dengan bahasa agama, "Kita tidak dapat melepaskan diri dari takdir Allah". Perbezaan manusia dengan makhluk yang lain adalah kemampuan untuk berusaha memilih yang mana di antara takdir Tuhan yang kita kehendaki. Kemampuan tersebut adalah bahagian dari takdir Tuhan kepada manusia. Ketika `Umar ibn al-Khaṭṭāb mendengar tersebarnya wabah penyakit di salah satu daerah Sham yang hendak dikunjunginya, rencana kunjungan tersebut beliau batalkan. Salah seorang bertanya: "Apakah Anda lari dari takdir Tuhan?" Umar menjawab, "Saya lari dari takdir Allah, dengan takdir Allah, menuju takdir-Nya yang lain".[86]

Dalam doktrin keagamaan, Allah s.w.t. telah menganugerahkan kepada seluruh manusia hidayah-Nya yang bersifat umum: وهديناه النجدين (*Dan Kami telah menunjukkan kepadanya (manusia) dua jalan*",[87] baik dan buruk. Manusia diberi kebebasan memilih dalam menempuh jalan yang dikehendakinya. Ada di antara mereka yang menggunakan akal pikirannya, yang belajar, yang mengetahui dan mengamalkan ajaran agama. Di sini Allah akan menganugerahkan baginya hidayah-Nya yang khusus dalam erti memberinya kemampuan untuk mengetahui dan melaksanakan hidayah yang bersifat umum itu. Sebaliknya, ada manusia yang bersikap tak acuh, tidak mahu belajar, bahkan mencemoohkan dan *a priori* menolak. Di sini tentu saja ia tidak akan mendapatkan hidayat khusus tersebut, bahkan ia akan menemukan kesesatan. Hasil ini merupakan "takdir" dan ketetapan Allah, dan inilah yang dimaksud dengan: Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya atau

---

[86] Lihat M. Qurash Shihab, *Tafsir al-Qur'an al-Karim; Tafsir atas Surat-surat Pendek Berdasarkan Urutan Turunnya Wahyu*, Bandung: Pustaka Hidayah, 1997, hal. 313-314.
[87] Lihat Q.S. al-Balad 90:10.

membiarkan sesat siapa yang dikehendaki-Nya".[88] lebih jauh dapat dikatakan bahawa sikap orang-orang kafir yang menolak dan mencemoohkan serta sikap orang-orang yang memiliki penyakit dalam kalbu mereka yang tidak ingin tahu ajaran agama itulah yang menghasilkan kesesatan. Dan kesesatan tersebut merupakan ketetapan Allah bukan atas dasar pilih kasih, tetapi ketetapan yang bersifat umum bagi manusia seluruhnya. Siapa pun yang bersikap demikian akan memperoleh kesesatan, dan siapa pun yang melakukan sebaliknya akan memperoleh petunjuk; manusia dipersilahkan memilih satu dari dua pilihan tersebut. Allah berfirman:

وقل الحق من ربكم فمن شاء فليؤمن ومن شاء فليكفر

> Maksudnya:
> Dan katakanlah (wahai Muhammad) bahawa kebenaran berasal dari Tuhanmu. Maka siapa hendak percaya (mengikutinya) maka silahkan ia percaya, dan siapa yang hendak mengingkarinya, silakan pula ia mengingkarinya.
>
> Surah al-Kahfi (18):29.

Sehubungan dengan itu, masyarakat Islam Jambi berpendapat bahawa, meskipun segala sesuatu itu sudah menjadi ketetapan Allah pada hamba-Nya, tetapi yang demikian itu tidak menghilangkan ikhtiar atau usaha pada diri manusia. Memang, semuanya dijadikan oleh Allah tapi Allah pula yang menjadikan adanya ikhtiar atau usaha bagi manusia; manusia berikhtiar dan manusia berusaha. Dengan perkataan lain, di samping kekuasaan mutlak Tuhan, manusia mempunyai kudrat untuk mendapatkan *kasab* dalam melakukan perbuatan-perbuatannya. Kerananya perbuatan manusia itu mempunyai efek atau sanksi, kemudian diberikan ganjaran; pahala atau siksaan yang setimpal dengan usahanya. Hal ini sesuai dengan firman Allah yang berbunyi:

---

[88] Lihat Q.S. al-Mudaththir 74:31.

ومن يرد ثواب الدنيا نؤته منها ومن يرد ثواب الآخرة نؤته منها

Maksudnya:
Barang siapa yang menghendaki pahala dunia, Kami berikan kepadanya pahala dunia itu; dan barang siapa yang menghendaki pahala akhirat, Kami berikan pula kepadanya pahala akhirat itu.
Surah ali `Imrān (3):145.

Walaupun manusia mempunyai kudrat dalam melakukan suatu perbuatan, tetapi hanya berbuat dalam lingkungan kudrat dan iradat Allah s.w.t. dengan perkataan lain, manusia dalam berusaha sangat bergantung kepada kudrat dan iradat Allah. Menurut mereka, dalam diri manusia itu ada dua kudrat, iaitu kudrat Tuhan dan kudrat manusia sendiri. Tetapi kudrat manusia itu biasanya disebut ikhtiar atau inisiatif. Berhasil atau tidaknya suatu usaha adalah bergantung kepada kudrat dan iradat Allah. Dengan demikian, dapat dikatakan bahawa masyarakat muslim Jambi dalam pemahamannya terhadap akidah Islam adalah berasaskan kepada dalil *naql* dan argumen rasional, khususnya yang berkaitan dengan masalah *qadar* tersebut.

Dari huraian di atas, dapat diambil suatu ketegasan bahawa faham akidah masyarakat muslim Jambi tentang kekuasaan mutlak Tuhan, mengikuti fahaman teologi al-Ash`arī. Namun secara keseluruhan, mereka lebih cenderung mengikuti pendapat tokoh al-Ash`ariyyah. Mereka telah mengadopsi secara penuh pelbagai pemikiran yang telah ada di kalangan ulama teologi al-Ash`ariyyah. Meskipun mereka berpendapat bahawa Allah s.w.t. sebagai dhat yang tertinggi dan Maha berkuasa, tidak satupun yang mengikat-Nya untuk memenuhi kewajipan-kewajipan. Inilah pendapat semua tokoh ulama al-Ash`ariyyah.

Namun demikian, pendapat masyarakat muslim Jambi tentang "Tuhan akan memenuhi janji dan akan melaksanakan ancaman-Nya", agaknya, pendapat ini, lebih mengarah kepada pernyataan bahawa kekuasaan Tuhan itu tidak lagi memiliki sifat

mutlak semutlak-mutlaknya. Kerana, pernyataan, "Tuhan akan memenuhi janji dan akan melaksanakan ancaman-Nya" terselip pengertian bahawa Tuhan mesti melaksanakan janji dan ancaman-Nya, walaupun sekali-sekala Tuhan membatalkan ancaman dan memberikan pengampunan bagi orang yang bersalah.

Di samping itu, faham keadilan Tuhan juga boleh membawa kepada kesimpulan bahawa kekuasaan dan kehendak Tuhan tidak mutlak lagi, kerana dibatasi oleh keadilan Tuhan tersebut. Dalam konteks ini, pemahaman akidah masyarakat muslim Jambi lebih cenderung kepada pendapat al-Juwainī. Dengan demikian, pemahaman teologi Masyarakat Islam Jambi tidak lagi murni mengikuti pendapat al-Ash`arī, mereka lebih dekat kepada pemahaman teologi al-Ash`ariyyah, khususnya pendapat al-Juwainī, yang cenderung mengatakan bahawa kekuasaan dan kehendak Tuhan itu tidak lagi mempunyai sifat mutlak semutlak-mutlaknya.[89]

5.2.2 Perbuatan Manusia: Bebas Tapi Terikat

Terdapat kepelbagaian pandangan di kalangan masyarakat muslim Jambi tentang perbuatan manusia. Di antaranya ada yang berpendapat bahawa manusia tidak mempunyai kudrat dan iradat sedikitpun, manusia adalah sebagai wadah atau tempat dari perbuatan-perbuatan Allah s.w.t. Namun, sebahagian besar dari mereka, terutama dari kalangan pelajar, berpendapat bahawa manusia mempunyai kudrat dan iradat yang diberikan oleh Allah kepadanya. Dengan demikian, manusia mampu melakukan suatu perbuatan berdasarkan kekuatan dan kehendaknya sendiri. Dengan kata lain, berkuasa melakukan dan menciptakan perbuatannya, namun tetap dalam *'corridor'* kekuasaan mutlak Yang Maha Kuasa.

---

[89] Lihat al-Juwainī, *al-'Aqīdah al-Nizāmiyyah*, hal. 43.

Walau bagaimanapun, pada umumnya masyarakat muslim Jambi menyatakan bahawa manusia adalah makhluk yang istimewa jika dibandingkan dengan makhluk Tuhan yang lain. Allah s.w.t. memberikan kepada manusia akal fikiran serta diperlengkapi dengan kudrat dan iradat. Dengan kudrat dan iradat itulah manusia dapat mengerjakan sesuatu yang diinginingnya, perbuatan ini dinamakan dengan perbuatan ikhtiāri. Dan ada pula gerak manusia yang di luar iradatnya, yang demikian, dinamakan dengan gerak terpaksa. Sehubungan dengan itu, K.H. Somad Yusuf, seorang tokoh ulama Jambi, memberikan contoh sebagai berikut:[90] Gerak orang jatuh dengan gerak orang yang sengaja melompat adalah berbeza; yang pertama geraknya adalah dengan terpaksa, dan kedua bergerak dengan kemauan. Oleh kerana itu, menurut K.H. Somad Yusuf, perbuatan manusia itu terbahagi kepada dua, iaitu: perbuatan yang timbul dengan sendirinya dan perbuatan yang timbul dengan kehendak. Dalam perbuatan jenis kedua manusia sanggup mengerjakan sesuatu, dan sebagai tanda bahawa ia mempunyai kekuasaan.

Selanjutnya, menurut keyakinan masyarakat muslim Jambi, manusia itu mempunyai kekuasaan (kudrat) dan ikhtiar atau pilihan dalam kebanyakan perbuatan, dan manusia juga akan diminta pertanggung jawapan (dihisab) atas hasil daripada pemilihannya. Sehubungan dengan itu, Ishak Abdul Aziz,[91] menjelaskan bahawa manusia itu ada pilihan; dan inilah yang dinamakan dengan '*hisāb*'. Mereka juga mengatakan bahawa manusia dapat berbuat kerana mereka dapat membezakan antara gerak yang dikehendaki dengan gerak yang di luar kehendak. Jadi, gerak dengan kehendak itu adalah dihasilkan oleh kekuasaan manusia, akan tetapi selari dengan

---

[90] K.H. Somad Yusuf, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 23 Desember 2001.
[91] Ishak Abdul Aziz, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 12 Desember 2001.

kehendak atau iradat Allah. Dengan perkataan lain, perbuatan manusia itu sebenarnya adalah ciptaan Allah juga.

Berkaitan dengan itu, Bakhtiar Laha[92], seorang pensyarah Ilmu Tauhid, menyatakan bahawa manusia itu berkuasa atas perbuatannya, kerana manusia dapat merasakan dalam dirinya perbezaan yang nyata antara gerak yang cepat dan tergesa-gesa dengan gerak ikhtiar dan kehendak. Perbezaan itu kembali kepada gerak ikhtiārī yang dihasilkan oleh kudrat, yang bersesuaian dengan kehendak dan ikhtiar yang Berkuasa. Senada dengan itu, Hj. Z. Azuan,[93] Profesor ilmu tauhid, menyatakan bahawa perbuatan hamba yang ikhtiari diciptakan oleh Allah, kudrat manusia tidak dapat berhubungan dengan kudrat Allah kecuali melalui '*kasb*'. Maka Allah-lah yang menciptakan perbuatan dan manusia hanya berusaha. Menurut Hj. Z. Azuan, apabila seseorang hendak mengadakan sesuatu perbuatan, maka pada saat itu juga Allah s.w.t. mengadakan atau menciptakan kesanggupan bagi manusia untuk mewujudkan perbuatan tersebut. Dengan kekuasaan Allah inilah seseorang itu mendapatkan perbuatannya, tetapi tidak menciptakan.

Masyarakat muslim Jambi berpandangan bahawa, sesungguhnya perbuatan itu diciptakan oleh Allah, sedangkan *kasb* dari manusia. Dengan adanya *kasb* itulah adanya taklif, dan dengan adanya taklif manusia diberi pahala dan dosa atau disiksa. *Kasb*, menurut mereka, ialah selarinya perbuatan yang diciptakan Allah dengan ikhtiar hamba. Dan tidak memberi bekas pada perbuatannya, kerana *kasb* itu diciptakan Allah seperti Dia menciptakan diri hamba tersebut. Dengan demikian, istilah *al-kasb* yang mereka maksudkan adalah usaha ikhtiar manusia.

---

[92] Bakhtiar Laha, wawancara dengan penulis, Jambi, 2 September 2001.
[93] Hj. Z. Azuan, wawancara dengan penulis, Jambi, 23 Desember 2001.

Dengan meyakini adanya *al-kasb*, masyarakat percaya bahawa kelak manusia akan menerima akibat daripada apa yang mereka kerjakan. Jika perbuatan baik yang mereka lakukan maka ia memperoleh pahala; sebaliknya, kalau perbuatan buruk yang mereka kerjakan maka ia akan mendapat siksaan. Jadi, dalam hal manusia berbuat ta`at atau maksiat, beriman atau kufur, tidak terlepas dari tanggung jawab manusia itu sendiri. Namun demikian, terdapat sebahagian dari mereka yang sukar untuk memberikan penjelasan mengenai *al-kasb* tersebut. Dalam hal ini, mereka hanya mengetahui dan mengatakan bahawa "sebenarnya hanya ada perbuatan Tuhan saja".

Salah seorang 'responden'[94] memberikan penjelasan tentang *al-kasb* dan hubungannya dengan perbuatan-perbuatan involunter (*harkah al-idtirār*) dari manusia. Menurutnya, dalam perbuatan-perbuatan involunter terdapat dua unsur, iaitu penggerak yang mewujudkan gerak, dan badan yang bergerak. Yang pertama, penggerak, iaitu pembuat gerak yang sebenarnya (*al-fā`il lahā `alā haqīqatihā*) adalah Tuhan; dan kedua, yang bergerak adalah manusia. Yang bergerak tidaklah Tuhan kerana gerak itu menghendaki tempat yang bersifat jasmani, sementara Tuhan tidak mungkin menghendaki bentuk jasmani. Di dalam *al-kasb* juga demikian, iaitu terdapat kedua unsur tersebut, iaitu pembuat dan yang memperoleh perbuatan. Jadi, pembuat yang sebenarnya dalam *al-kasb* adalah Allah s.w.t. dan yang memperoleh perbuatan adalah manusia. Dalam hal ini, Tuhan tidak menjadi yang memperoleh perbuatan, kerana *al-kasb* terjadi hanya dengan daya yang diciptakan, dan Tuhan tidak mungkin mempunyai daya yang diciptakan.

---

[94] Iaitu Lukmanul Hakim, seorang guru Ilmu Tauhid pada salah satu pengajian 'Majelis Taklim' Ibu-ibu di provinsi Jambi. Lukmanul Hakim, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 20 Desember 2001.

Untuk lebih memperjelaskan maksud *al-kasb* tersebut, Hj. Abdul Latif,[95] seorang tokoh agama Jambi, mengemukakan beberapa ayat al-Qur'an, di antaranya firman Allah:

إنا نحن نزلنا الذكر وإنا له لحافظون

Maksudnya:
Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Qur'an dan Kami pulalah Pemelihara-pemelihara-Nya.

Surah al-Ḥijr (15):9.

Perkataan *"Kami"*, dalam ayat tersebut, yang menunjuk secara lahiriah kepada Allah, *secara umum* difahami sebagai menunjuk akan adanya keterlibatan selain daripada Allah (misalnya manusia, malaikat dan lain-lain) dalam suatu "pekerjaan". Ayat tersebut boleh diertikan bahawa al-Qur'an diturunkan oleh Allah tetapi dalam turunnya itu *Al-Rūh al-Amīn* (malaikat Jibrīl) yang membawanya turun, sedangkan dalam pemeliharaannya terlibat sekian banyak manusia.

Dalam ayat yang lain, Allah berfirman:

لقد خلقنا الإنسان في أحسن تقويم ثم رددناه أسفل سافلين

Maksudnya:
Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya, kemudian Kami kembalikan ia ke tempat yang serendah-rendahnya.

Surah al-Tīn (95):4-5.

Ayat ini mengisyaratkan adanya keterlibatan manusia, dalam hal ini ibu dan bapak dalam penciptaan manusia. Demikian juga, manusia ikut terlibat dalam ketajatuhan dirinya ke tempat yang serendah-rendahnya, iaitu akibat dari perbuatannya yang melanggar petunjuk Ilahi. Begitu juga dalam Firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

---

[95] Hj. Abdul Latif, Wawancara dengan penulis, Jambi, 20 Julai 2002.

نحن نرزقكم وإياهم

Maksudnya:
Kami yang memberi rezki kepadamu dan kepada mereka.

Surah al-An`ām (6):151.

Penggunaan kata "Kami" dalam ayat tersebut untuk mengisyaratkan bahawa perolehan rezki menuntut keterlibatan manusia dalam berusaha. Dalam ayat yang lain Allah menjelaskan:

ومن نعمره ننكسه في الخلق

Maksudnya:
Dan barang siapa yang Kami panjangkan usianya, Kami kembalikan dia kepada kejadiannya semula.

Surah Yāsīn (36):68.

Kata "Kami" dalam ayat tersebut menunjukkan adanya keterlibatan selain Allah dalam masalah 'panjang dan pendeknya' usia. Manusia kini telah berhasil memperpanjang harapan hidup. Upaya memperhatikan kesihatan, bersukan, makanan bergizi, menjauhi stress dan sebagainya adalah cara-cara yang dapat ditempuh oleh manusia dalam rangka "memperpanjang harapan hidupnya". Dalam hal ini, Rasulullah s.a.w. dalam suatu hadith yang diriwayatkan oleh Bukhārī dan Muslim dari sahabat Abū Hurairah, bersabda:[96]

من احب ان يبسط له فى رزقه وينسأله فى اثره فليصل رحمه

Maksudnya:
Barang siapa yang ingin dilapangkan rezkinya dan diperpanjangkan usianya, maka hendaklah ia bersilaturrahmi.

---

[96] Lihat Abū `Abdillah Muhammad ibn Ismā`īl Ibn al-Mughīrah Ibn Bardhabah al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Jil. 8, Kitābu Mawākit, Bāb Man Basata Lahū Fī al-Rizq, No.12, Mesir: Dār al-Jeil, hal 6.

Dari pernyataan di atas, mungkin timbul pertanyaan, khususnya jika membaca contoh kedua dan ketiga, iaitu apakah ada pencipta selain Allah? Dan apakah ada pemberi rezki selain Dia? Jawapannya dapat diperoleh dengan memahami ayat-ayat berikut: **Pertama**, ayat yang yang mengatakan: فتبارك الله أحسن الخالقين (Mahasuci Allah sebaik-baik Pencipta).[97] **Kedua**, firman Allah: وإن الله لهو خير الرازقين (Dan sesungguhnya Allah adalah sebaik-baik Pemberi rezki.[98] Redaksi kedua ayat tersebut menunjukkan adanya beberapa pencipta dan pemberi rezki. Bukankah jika kita berkata, "Si A sebaik-baik pelajar" maka ini menunjukkan bahawa ada pelajar lain yang juga baik, tetapi si A-lah yang sebaik-baiknya? Bukankah bentuk superlatif menunjukkan bergabungnya sekian banyak unsur dan terpilihnya salah satu darinya sebagai yang paling menonjol (paling utama) di antara unsur-unsur tersebut? Maka, demikian pula halnya dengan redaksi kedua ayat di atas. Ada sekian banyak pencipta dan pemberi rezki, hanya saja yang terbaik adalah Allah s.w.t. Hal ini sama sekali bukan bererti bahawa ada sekutu bagi Allah, kerana manusia yang ditunjuk sebagai "pencipta" atau "pemberi rezki", tidak sama erti dan kedudukannya dengan Allah Yang Maha Pencipta itu; manusia yang sebagai "pencipta" atau "pemberi rezki" adalah dalam erti "perantara" untuk mendapatkan rezki atau untuk terjadinya ciptaan. Sedangkan yang berkuasa penuh adalah Allah s.w.t. Hakikat ini, pada umumnya difahami oleh masyarakat Islam Jambi, yang merupakan pewaris dari faham teologi al-Ash`arī.

Dengan demikian, jelaslah bahawa erti Tuhan menciptakan perbuatan-perbuatan manusia, menurut keyakinan masyarakat Jambi, adalah "bahawa sesungguhnya Tuhan-lah yang menjadi pembuat sebenar dari perbuatan-perbuatan

---

[97] Baca Q. S. al-Mu`minūn 23:14.
[98] Baca Q. S. al-Hajj 22:58.

manusia. Dan erti "wujudnya perbuatan-perbuatan dari manusia dengan perantaraan daya yang diciptakan" adalah bahawa manusia sebenarnya hanyalah sebagai tempat bagi perbuatan-perbuatan Tuhan. Seseorang yang tidak diciptakan daya oleh Tuhan, dalam dirinya, tidak akan dapat berbuat sesuatu. Kerana itu, daya untuk berbuat itu sebenarnya bukanlah daya manusia, melainkan daya Tuhan. Jadi perbuatan manusia pada hakikatnya terjadi dengan perantaraan daya Tuhan, sekalipun dalam masa yang sama diakui bahawa manusia tidak kehilangan sifat sebagai *fā`il* (pembuat) dalam rangkaian *al-kasb* tersebut. Demikianlah pemahaman masyarakat tentang perbuatan manusia dan *al-kasb*, yang menurut mereka hanya sekadar untuk dilaksanakan saja, sementara hasilnya dikembalikan kepada Tuhan atau sesuai dengan kehendak Tuhan dan di sokong dengan daya yang diciptakan Tuhan. Pemahaman seperti ini jelas merupakan pemahaman yang diambil dari teologi al-Ash`arī, yang terkenal dengan teori *kasb*nya.

5.2.3 Pemahaman Tentang Janji dan Ancaman Tuhan

Posisi manusia yang unik dalam tatanan alam semesta, menurut al-Qur'an, membawa konsekuensi yang berat baginya. Pilihannya atas apa yang dilakukannya tidak hilang begitu saja bersamaan dengan habisnya kehidupannya di dunia. Semua itu tercatat dalam buku catatan.[99] Sesuai dengan itu manusia terikat dengan apa yang diusahakannya.[100]

Hasil kajian mendapati majoriti masyarakat Islam Jambi berpendapat bahawa janji dan ancaman Tuhan adalah benar dan dia akan terjadi. Apabila Tuhan memberikan pahala kepada orang orang yang berbuat baik, itu merupakan *tafaddul*

---

[99] Lihat misalnya, Q.S. al-Isrā' 17:13-14; Q.S. al-Jāthiyah 45:28-29; Q.S. al-Qamar 54:52-53.
[100] Lihat Q.S. al-Tūr 52:21; Q.S. al-Mudaththir 74:38.

(kemurahan hati) Tuhan. Dan apabila Tuhan menyiksa orang yang berbuat dosa, itu merupakan keadilan dan kebijaksanaan Tuhan. Akan tetapi, tidak mustahil Tuhan memberikan ampunan dan membatalkan siksaan bagi orang mukmin yang berdosa, lalu memasukkannya ke dalam surga. Tuhan sama sekali tidak pernah membatalkan memberikan pahala kepada orang yang berbuat baik dan memasukkannya ke dalam neraka. Dapatan ini bersesuaian dengan apa yang telah dihuraikan dalam teologi al-Ash`ariyyah, di mana Tuhan akan memenuhi janji-janji-Nya, Tuhan bagaikan seorang raja konstitusional yang maha pemurah dan maha penyayang.[101] Dalam al-Qur'an dijelaskan bahawa orang yang bertaqwa kepada Allah akan diberikan jalan keluar dari kesulitan dan diberikan-Nya rezeki dari arah yang tidak disangkanya, barang siapa yang bertawakkal kepada-Nya akan dicukupkan keperluannya dan barang siapa yang beriman kepada-Nya dan beramal soleh akan dimasukkan ke dalam syurga-Nya.[102] Sebaliknya, barang siapa tidak beriman, akan dimasukkan-Nya ke dalam neraka dan akan disiksa-Nya.[103] Allah tidak akan sekali-kali menyalahi janji-Nya.[104]

Pada kenyataannya, manusia sering melupakan atau tidak menyedari hal tersebut. Hidup ini sering kali dianggapnya sebagai permainan yang tidak mempunyai konsekuensi apapun di dalam kehidupan yang akan datang nanti. Perbuatan dari sementara manusia dalam kehidupan ini menunjukkan bahawa, menurut perkiraan sebahagian orang, mereka tidak harus bertanggung jawab atas semua yang telah mereka lakukan. Alasan ini dimajukan berdasarkan argumentasi al-Qur'an yang menjelaskan:

---

[101] Lihat Abū al-Hasan ibn Ismā`īl al-Ash`arī, *al-Ibānah*, hal. 114; al-Juwainī, *al-Irshād*, hal. 393-395.
[102] Lihat Q.S. al-Talāq 65:2-3 & 11.
[103] Lihat misalnya, Q.S. al-Baqarah 2:39 & 126; Q.S. Āli `Imrān 3:4 & 12; Q.S. al-Anfāl 8:36.
[104] Lihat Q.S. al-Baqarah 2:80; Q.S. Āli `Imrān 3:9; Q.S. al-Ra`d 13:31; Q.S. al-Hajj 22:47; Q.S. al-Rūm 30:6; dan Q.S. al-Zumar 39:20.

فلا صدق ولا صلى ولكن كذب وتولى ثم ذهب إلى أهله يتمطى أولى لك فأولى ثم أولى لك فأولى أيحسب الإنسان أن يترك سدى

Maksudnya:
Ia tidak mahu membenarkan (Rasul dan al-Qur'an) dan tidak mahu mengerjakan Ṣolat. Tetapi ia mendustakan (Rasul) dan berpaling (dari kebenaran). Kemudian ia pergi kepada ahlinya dengan bersombong. Kecelakaanlah bagimu (hai orang kafir) dan kecelakaanlah bagimu. Kemudian kecelakaanlah bagimu dan kecelakaanlah bagimu. Apakah manusia mengira bahawa ia akan dibiarkan begitu saja tanpa pertanggung jawapan.

Surah al-Qiyāmah (75):31-36.

Dan firman Allah s.w.t:

أفحسبتم أنما خلقناكم عبثا وأنكم إلينا لا ترجعون

Maksudnya:
Maka apakah kamu mengira bahawa sesungguhnya Kami menciptakan kamu untuk main-main, dan kamu tidak akan dikembalikan kepada Kami.

Surah al-Mu'minūn (23):115.

Dalam kehidupan di dunia ini, seseorang mungkin dapat menutup-nutupi perbuatannya yang tidak baik sehingga orang lain tidak kelihatan atau ia dapat lupa akan sesuatu yang telah dilakukannya. Akan tetapi, itu semua akan diungkapkan dan akan dipertunjukkan oleh Allah kepadanya di akhirat nanti, sehingga ia tidak dapat mengelak lagi dari pertanggung jawapan.

Al-Qur'an, baik secara tersurat mahupun tersirat, banyak berbicara tentang kebebasan manusia untuk menentukan sendiri perbuatannya yang bersifat ikhtiariah. Yang dimaksud dengan perbuatan ikhtiariah adalah perbuatan yang dapat dinisbahkan kepada manusia dan menjadi tanggung jawabnya kerana memang manusia mempunyai kemampuan untuk melakukan atau meninggalkannya.[105] Misalnya, yang selalu disebutkan dalam al-Qur'an, menerima atau menolak ayat-ayat yang dibawa

[105] Lihat Maulana Muhammad Ālī, *The Religion of Islam*, Kaherah: The Arab Publishers, t.th., hal. 350.

oleh para Rasul. Dalam surat Luqmān (31) ayat 21-22 disebutkan sikap orang-orang yang menolak untuk mengikuti apa yang diturunkan oleh Allah dan orang-orang yang menerimanya. Kedua sikap ini merupakan perbuatan ikhtiariah. Orang dapat memilih antara melakukan sikap pertama atau kedua, dan kerananya ia akan dibalas dengan siksaan atau pahala sesuai dengan pilihannya itu.[106] Dengan demikian, dapat dikatakan bahawa adanya kebebasan yang diberikan kepada manusia dalam memilih jalan hidupnya, terutama berkenaan dengan iman dan kekufuran terhadap apa yang diturunkan oleh Allah s.w.t.

Kebebasan manusia ini memberi kesan kepada apa yang disebutkan dengan 'balasan'. Balasan yang diberikan oleh Allah kepada manusia "sesuai" dengan perbuatan yang dilakukannya. "Sesuai" disini tidak bererti sama persis ukuran atau timbangannya, melainkan bermakna bahawa yang baik dibalas dengan kebaikan dan yang tidak baik dibalas dengan siksaan.[107] Ertinya, Allah s.w.t. tidak akan berlaku zalim kepada hamba-hamba-Nya. Disebutkan dalam al-Qur'an tentang adanya segolongan manusia yang berbantahan mengenai Allah tanpa argumentasi yang kuat, untuk menyesatkan orang lain dari jalan Allah, maka bagi mereka akan mendapatkan kehinaan di dunia[108] dan siksaan di akhirat. Ini sama sekali bukan kerana Allah

---

[106] Lain halnya dengan gerak reflek yang terjadi pada seseorang kerana rangsangan yang sangat kuat pada kulitnya. Orang yang tanpa sedar tersentuh bara api pada ujung jarinya akan menarik tangannya dengan tiba-tiba. Ia tidak menyedari perbuatannya itu sejak semula. Dalam keadaan seperti itu ia tidak mempunyai pilihan untuk menarik atau tidak menarik tangannya. Sedikitnya ada lima hal berkenaan dengan kehidupan dan perbuatan manusia yang tidak dapat dikuasai sepenuhnya, iaitu: (1) nyawa, (2) alat kelengkapan badan, misalnya pancaindera, kerja pencernakan, dan jantung, (3) kesihatan badan, (4) faham, fikiran, pengetahuan dan keyakinan yang terbentuk sejak kanak-kanak tanpa kehendak dan pilihannya sendiri, dan (5) hubungan ke luar. Lihat Agus Salam, *Keterangan Filsafat tentang Tauhid, Taqdir dan Tawakkal*, Jakarta: Tintamas, Cet. 9, 1967, hal. 43-44.

[107] Lihat al-Qadi 'Abd al-Jabbār al-Hamazani, *Mutashabih al-Qur'an*, Adnan M. Marzūr (ed.), Kaherah, Dar al-Thurās, 1969, hal. 270.

[108] Yang dimaksud dengan kehinaan di dunia di sini adalah terbukanya kepalsuan dari apa yang dikatakan oleh orang-orang tersebut. Lihat Nasr al-Din Abu al-Khair 'Abd Allah bin Umar al-Shirāzi al-Baidāwi, *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*, Beirūt, Dār al-Fikr, Tanpa Tahun, hal. 440.

berbuat zalim kepada manusia, melainkan semata-mata kerana perbuatannya yang tidak baik itu.

Pernyataan Allah tidak berlaku zalim kepada hamba-hamba-Nya banyak dinyatakan dalam konteks 'balasan' Allah yang bersifat negatif di akhirat. Dengan berbagai variasi, pernyataan seperti ini, dalam al-Qur'an, disebutkan 12 kali.[109] Penyebutannya dalam konteks perbuatan untuk 'balasan yang baik' hanya terdapat dalam dua tempat.[110] Sementara pada lima tempat lainnya, pernyataan itu tidak dikaitkan langsung dengan 'balasan' perbuatan baik atau buruk, melainkan dengan 'balasan' secara umum.[111] Hal ini berkaitan dengan pernyataan-pernyataan tentang 'balasan' bagi perbuatan yang baik dan sifat *al-Rahmān* Allah s.w.t. Allah telah menetapkan sifat kepengasihan (*al-Rahmān*) itu atas diri-Nya sendiri, sehingga menurut Fazlur Rahmān,[112] keadilan Allah itu adalah keadilan yang penuh dengan kasih sayang (*merciful justice*). Keadilan seperti ini sering disebutkan dengan *justice tempered with mercy* oleh para penulis kontemporari.

Dengan keadilan yang penuh kasih sayang tersebut, Allah membalas perbuatan baik manusia dengan pahala yang lebih baik.[113] Bahkan Allah melipatgandakan pahala bagi orang yang berbuat kebaikan.[114] Balasan itu tidak dapat dihitung,[115] tidak putus-

---

[109] Lihat dalam Q.S. Āli 'Imrān 3:25, 161; Q.S. al-Nisā' 4:49, 77; Q.S. Yūnus 10:44, 54; Q.S. al-Nahl 16:33; Q.S. al-Kahf 18:49; Q.S. al-hajj 22:10; Q.S. al-Zukhrūf 43:76; Q.S. al-Ahqāf 46:19; dan Q.S. Qāf 50:29.
[110] Yakni Q.S. al-Nisā' 4:124; dan Q.S. al-Anfāl 8:60.
[111] Lihat Q.S. al-Nahl 16:111; Q.S. Yāsīn 36:54; Q.S. Ghāfir 40:17; Q.S. Fuṣṣilat 41:46; dan Q.S. al-Jāshiyah 45:22.
[112] Lihat Fazlur Rahmān, *Major Themes of the Qur'an,* Chicago: Minneapol Biblioteheca Islamica, 1980, hal. 1.
[113] Yang menghadap Allah dengan membawa kebaikan akan memperoleh balasan yang lebih baik. Lihat, misalnya, Q.S. Yūnus 10:26; Q.S. al-Naml 27:89; dan Q.S. al-Qaṣaṣ 28:84.
[114] Lihat, antara lain, Q.S. al-Baqarah 2:245; Q.S. al-Nisā' 4:40; Q.S. al-An'ām 6:160.
[115] Lihat Q.S. al-Zumar 39:10; dan Q.S. Ghāfir 40:40.

putusnya[116] dan bahkan tidak diketahui atau dibayangkan sebelumnya.[117] Akan tetapi, perbuatan yang tidak baik hanya akan dibalas dengan balasan yang seimbang.[118]

Jadi, dapat dikatakan bahawa pada hakikatnya Allah sangat mengasihi hamba-hamba-Nya, namun kasih sayang Allah tidak menyebabkan hilangnya sanksi (balasan) bagi setiap pelanggaran yang dilakukan oleh manusia terhadap aturan-aturan-Nya. Ini sesuai dengan kebebasan yang diberikan Allah kepada manusia untuk menentukan sendiri jalan kehidupannya yang bersifat ikhtiariah. Tanpa balasan, pengujian, yang kerananya manusia diberikan kebebasan itu, tidak akan efektif. Selain itu, dapat pula dikatakan bahawa manusia menentukan sendiri keadaannya, paling tidak di akhirat nanti. Pernyataan-pernyataan Allah tentang Dia sekali-kali tidak akan berlaku zalim kepada hamba-hamba-Nya merupakan jaminan yang kuat untuk penentuan sendiri 'nasib' manusia itu. Siksaan atau keadaan tidak baik yang dialami oleh orang-orang yang berdosa itu merupakan balasan atas apa yang mereka lakukan di dunia.

Dari huraian di atas dapat dirumuskan bahawa pemahaman masyarakat Islam Jambi tentang masalah janji dan ancaman Tuhan tergolong dalam pengikut al-Ash`ariyyah, Di samping mengakui bahawa Tuhan akan melaksanakan janji-janji-Nya, mereka juga percaya bahawa Tuhan sesekali akan membatalkan janji-janji-Nya itu, jika dikehendaki. Semuanya itu sesuai dengan atribut Tuhan yang *al-Rahmān* dan *al-Rahīm* serta demi kebaikan manusia itu sendiri. Tuhan boleh membatalkan siksaan orang yang berdosa dan kemudian memasukkannya ke dalam surga. Pembatalan ini disebut dengan istilah *shafa`āt*. Pemahaman seperti ini selari dengan apa yang telah dihuraikan dalam teologi al-Ash`ariyyah.[119]

---

[116] Lihat Q.S. Fuṣṣilat 41:8; Q.S. al-Qalam 68:3; Q.S. al-Inshiqāq 84:25; dan Q.S. al-Tīn 95:6.
[117] Lihat Q.S. al-Sajadah 72:17.
[118] Lihat Q.S. al-An`ām 6:160.
[119] Lihat hal. 193-194.

5.2.4 Pemahaman Tentang Iman dan Tanggapan Terhadap Pelaku Dosa Besar

Hasil kajian mendapati bahawa majoriti masyarakat Islam Jambi berpendapat, iman ialah *al-tasdīq bi Allah,* dan yang disebut dengan *mu`min bi Allah* ialah orang yang membenarkan Allah. Berhubung dengan persoalan ini, K. H. Mahyuddin Anwar menyatakan bahawa *tasdīq* pada hakikatnya merupakan *kalām nafsi*, tetapi ia tidak akan ada tanpa pengetahuan atau ilmu.[120] Argumentasi yang mendukung bahawa iman adalah *tasdīq* ialah firman Allah yang berbunyi:

وما أنت بمؤمن لنا ولو كنا صادقين

Maksudnya:
Engkau tidak percaya (membenarkan perkataan) kami, walaupun kami sudah mengatakannya dengan benar.

Surah Yūsuf (12):17.

Sehubungan dengan itu, mereka (masyarakat Islam Jambi) berpendapat bahawa orang fasik atau berdosa besar, masih tetap disebut orang mukmin. Hj. Sayuti Ibrahim mengatakan,[121] bukti bahawa orang fasik masih termasuk orang mukmin ialah, bahawa ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum sharī`at (taklif) selalu dihubungkan dengan kata "mukmin", misalnya, " يايهالذين امنوا ". Ayat seperti ini ditujukan kepada semua orang mukmin, baik yang tidak berdosa mahupun orang yang memiliki dosa, termasuk pelaku dosa besar. Bukti lain juga menunjukkan bahawa dalam hukum, orang yang berdosa besar (fāsik) diperlakukan sama dengan orang mukmin. Bila mereka meninggal dunia, mereka dikuburkan di perkuburan orang *muslimin dan di solatkan sebagaimana orang mukmin lainnya.*

Menurut Hj. Zulfah Ahmad,[122] seorang tokoh agama Jambi, walaupun pada hakikatnya iman merupakan *tasdīq* yang ada di dalam hati, namun pada kenyataannya

---

[120] Mahyuddin Anwar, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 13 Jun 2002.
[121] Hj. Sayuti Ibrahim, Wawancara dengan Penulis, 10 Mac 2001.
[122] Hj. Zulfah Ahmad, Wawancara dengan penulis, Jambi, 12 Mac 2001.

harus diikuti dengan pengakuan lisan. Orang yang membenarkan Tuhan di dalam hati dan mengucapkannya dengan lisan, maka imannya wujud secara zahir dan batin. Tetapi, jika ia hanya membenarkannya di dalam hati tanpa menyatakannya dalam bentuk ucapan, maka pembenaran dalam hati akan sia-sia belaka, dan menurut hukum Tuhan, orang seperti itu dihukum sebagai kafir dan akan masuk neraka. Sebaliknya, orang yang mengatakan bahawa ia beriman kepada Allah tetapi dalam hatinya ia mengingkarinya, maka ia termasuk golongan orang munafik, dan akan menjadi penghuni neraka yang paling dasar. Dengan demikian, dapat dikatakan bahawa erti iman bagi masyarakat muslimin Jambi adalah pembenaran di dalam hati kemudian diucapkan dengan lisan. Sedangkan amal soleh tidak termasuk dalam konsep iman.

Walaupun demikian, ada sebahagian yang berpendapat bahawa iman adalah *qawl wa `amal, yazīd wa yanqus.* Ertinya iman merupakan perkataan dan perbuatan, dapat bertambah dan berkurang. Kerana itu, mereka juga mementingkan amal. Namun demikian, majoriti dari mereka meyakini bahawa iman itu ialah *al-tasdīq bi Allah*, iaitu mengetahui dan membenarkan dalam hati bahawa Allah itu ada. Sehubungan dengan itu, Ahmad Zakiar,[123] seorang guru agama, mengatakan bahawa perbuatan atau amal itu hanyalah cabang dari iman. Argumentasi yang dimajukannya ialah bahawa, sebelum al-Qur'an turun dan sebelum kerasulan Muhammad s.a.w., para ahli bahasa sepakat mengatakan *al-īmān* adalah *al-tasdīq*. Ini sesuai dengan bunyi salah satu ayat al-Qur'an: وما أنت بمؤمن لنا ولو كنا صادقين (Dan kamu sekali-kali tidak percaya kepada kami, sekalipun kami orang-orang yang benar).[124] Dengan demikian, dapat dikatakan bahawa 'iman' di dalam 'sharī`at' adalah iman menurut bahasa Arab, sesuai

---

[123] Ahmad Zakiar, Wawancara dengan penulis, Jambi, 3 Mac 2001. Beliau juga mengatakan orang yang hanya membenarkan dalam hati bahawa Allah itu ada, dan Rasul-rasul-Nya datang dari sisi-Nya sudah sah imannya, apabila meninggal dunia maka ia termasuk dalam golongan orang mukmin.
[124] Lihat Q.S. Yūsuf 12:17.

dengan penjelasan al-Qur'an: وما أرسلنا من رسول إلا بلسان قومه (Kami tidak akan mengutus seorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya".[125]

Dari keterangan di atas, timbul pertanyaan: mengapa amal tidak termasuk dalam iman? Kerana, menurut Ahmad Zakiar, Tuhan memiliki sifat rahmat (*Rahmān* dan *Rahīm*). Tuhan selalu menginginkan adanya kebaikan bagi hamba-Nya, kerana didorong oleh rasa cinta-Nya kepada manusia. Segala yang diperbuat Tuhan harus mempunyai kesan baik bagi kelanjutan hidup hamba-Nya. Oleh kerananya, Tuhan dengan rahmat-Nya boleh membatalkan siksaan bagi orang yang berdosa dan kemudian memasukkannya ke dalam surga. Tetapi Tuhan tidak akan membatalkan pemberian pahala bagi orang yang berbuat baik dan kemudian menggantinya dengan siksaan di neraka. Hal ini menunjukan akan *Rahmān* dan *Rahīm* Allah yang maha besar. Demikian pula dengan orang yang berbuat kebaikan, Tuhan akan menggantinya dan melipatgandakan pahala bagi orang tersebut.[126] Namun Tuhan tidak akan melipatgandakan siksaan orang yang berdosa. Jika yang diperbuatnya hanya satu dosa, maka ia akan disiksa hanya dengan satu siksaan dan tidak akan dilebihkannya.[127]

Jika 'amal perbuatan baik' dimasukkan ke dalam konsep iman, maka orang yang berdosa besar walaupun hanya sekali, akan dapat menghapuskan kebaikan-kebaikannya yang amat banyak darinya dan ia akan kehilangan atribut iman. Bagi masyarakat muslimin Jambi, orang yang banyak berbuat dosa kemudian ia berbuat baik, maka perbuatan baiknya itu dapat menghapuskan dosa-dosanya. Argumentasi ini berdasarkan firman Allah s.w.t.:

---

[125] Lihat Q.S. Ibrahīm 14:4.

[126] K. H. Najmi Qadir, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 17 Mac 2001. K. H. Najmi Qadir adalah seorang tokoh ulama provinsi Jambi, tokoh masyarakat dan juga sebagai Ketua organisasi Nahdatul Ulama provinsi Jambi.

[127] Hj. Muhammad Hatta, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 19 Mac 2001.

إن الحسنات يذهبن السيئات

Maksudnya:
Sesungguhnya perbuatan-perbuatan baik itu dapat menghilangkan perbuatan-perbuatan buruk (dosa-dosa).

Surah Hūd (11):114.

Tetapi tidak sebaliknya, orang yang banyak berbuat baik dan kemudian berbuat dosa, hanya sekali, maka dosanya tidak dapat menghapuskan seluruh kebaikan yang dimilikinya. Kerana *Rahmān* dan *Rahīm* Allah serta untuk kebaikan manusia, maka ia masih tetap disebut sebagai seorang mukmin.

Selanjutnya, menurut masyarakat muslimin Jambi, orang mukmin yang meninggal dalam keadaan berdosa dan belum sempat bertaubat, nasibnya akan ditentukan oleh Tuhan. Boleh jadi dosanya diampuni atau diberi shafā`at; atau sebaliknya, ia akan disiksa dalam neraka sesuai dengan dosa-dosanya, kemudian dikeluarkan dari neraka setelah dosanya habis, lalu dimasukkan ke dalam surga. Inilah sebenarnya fahaman yang terdapat dalam doktrin akidah al-Ash`ariyyah.[128]

Dari keterangan di atas dapat dikatakan bahawa iman, menurut masyarakat muslimin Jambi, merupakan pengetahui dan pembenaran dalam hati bahawa Allah itu ada. Sedangkan posisi amal atau perbuatan berada di luar iman. Namun demikian, mereka tidak mengingkari penamaan 'perbuatan baik' dengan iman. Ini berdasarkan firman Allah yang berbunyi:

وما كان الله ليضيع إيمانكم

Maksudnya:
Allah tidak akan menyia-nyiakan keimananmu.

Surah al-Baqarah (2):143.

---

[128] Lihat hal. 177-178.

Iman dalam ayat tersebut maksudnya sembahyang. Tuhan tidak akan membuang saja keimananmu, bererti bahawa Tuhan tidak akan membuang saja sembahyang kaum Muslimin yang dikerjakannya sebelum perubahan kiblat terjadi.[129] Sehubungan dengan itu, mereka membezakan antara iman dan Islam dengan mengatakan bahawa setiap mukmin adalah muslim, tetapi tidak setiap muslim bererti mukmin. Argumentasi ini berdasarkan kepada firman Allah yang berbunyi:

قالت الأعراب ءامنا قل لم تؤمنوا ولكن قولوا أسلمنا ولما يدخل الإيمان في قلوبكم

Maksudnya:
Orang-orang Arab dusun itu berkata: Kami beriman. Katakan: kamu belum beriman, tetapi katakanlah: kami tunduk. Keimanan itu belum masuk ke dalam hatimu.

Surah al-Hujurāt (49):14.

Iman merupakan manifestasi dari Islam, sebagaimana yang diisyaratkan dalam ayat tersebut bahawa Allah tidak memandang orang-orang Badwi itu beriman, meskipun mereka telah mengaku beriman, sebab mereka baru Islam.

Dalam kaitan ini, Hj. M. Lohot Hasibuan, seorang tokoh agama, memberikan penjelasan tentang perkataan 'Kāfir', yang merupakan pertentangan dari kata "iman". Kāfir, menurut Lohot Hasibuan, ada tiga jenis.[130]

1. Kāfir *i`tiqādi*. Kāfir jenis ini tempatnya di hati. Misalnya meniadakan sifat-sifat Allah, dan orang-orang yang berkeyakinan bahawa Allah itu '*nūr*' dalam pengertian cahaya atau sinar, atau roh, atau *jism* yang duduk di atas `*Arasy*.
2. Kāfir *fi`li*, seperti melemparkan al-Qur'an ke dalam kotoran.

---

[129] Lihat Zainuddin Hamidi & Fachruddin, *Al-Qur'an dan Terjemahannya* (pada *Catatan Kaki*), Pulau Pinang, Nahdi, hal. 30.
[130] Hj. M. Lohot Hasibuan, Wawancara dengan penulis, Jambi, 7 Julai 2001.

3. Kāfir *qauli*, seperti menyerupakan Allah dengan makhluk, baik berupa dhāt, sifat, mahupun perbuatan. Termasuk juga orang yang mendustakan isi kandungan al-Qur'an, atau ajaran Nabi Muhammad s.a.w. Misalnya, mengatakan surga dan neraka itu lenyap; surga bukan kesenangan jasmaniyah dan neraka adalah siksaan ma`nawiyah atau abstrak. Demikian juga orang yang mengingkari kebangkitan jasad dan roh di akhirat, mengingkari kewajipan ṣolat, puasa, zakat, mengharamkan talak dan menghalalkan khamar. Kāfir yang paling berat adalah orang yang mengingkari Allah.[131]

Pembahagian kāfir tersebut menunjukkan bahawa dalam konsep iman, perbuatan manusia sangat penting bagi menentukan posisi keimanan seseorang, kerana perbuatan dapat membawa kepada kekafiran. Di samping itu, orang yang termasuk dalam golongan jenis-jenis kāfir tersebut akan sia-sia semua kebaikannya. Tidak dihitung sedikitpun, baik sedekah, haji, puasa solat dan sebagainya sesuai dengan penjelasan al-Qur'an: ومن يكفر بالإيمان فقد حبط عمله (Barang siapa kāfir setelah beriman maka hapuslah amalannya).[132] Orang yang seperti itu, sebelum mengucapkan *dua kalimah shahadah* tetap berdosa, batal nikahnya, di mana hubungan antara keduanya setelah kekafiran adalah di luar sharī`at. Dengan perkataan lain, ia akan diampuni Allah setelah mengucapkan 'dua kalimat shahadat', dan kebaikannya akan dihitung kembali setelah ia memperbaharui imannya. Demikianlah pentingnya kedudukan iman seseorang.

---

[131] Keterangan Hj. M. Lohot Hasibuan tentang pembahagian kafir tersebut, kelihatannya diambil dari pendapat al-Bāqillānī, seorang tokoh al-Asy`ariyah, yang juga membezakan kāfir kepada tiga kategori. Lihat al-Bāqillānī, *al-Tamhīd*, hal. 393.

[132] Lihat Q.S. al-Maidah 5:5.

Jadi, dapat diambil suatu ketegasan bahawa orang fasik atau *murtakib al-kabā`ir* (pelaku dosa besar) tetap mukmin, sebab kefasikannya tidak kontradiktif dengan imannya. Allah menjelaskan dalam al-Qur'an:

إن الله لا يغفر أن يشرك به ويغفر ما دون ذلك لمن يشاء

Maksudnya:
Sesungguhnya Allah tidak mengampuni dosa kerana mempersekutukan Dia, tetapi diampuni-Nya selain dari itu, untuk siapa yang disukai-Nya.
Surah al-Nisā' (4):116.

Jadi, Allah s.w.t hanya tidak mengampuni dosa orang yang mati dalam keadaan kāfir,[133] sedangkan selainnya, termasuk pelaku dosa besar, terbuka pintu keampunan dari Allah s.w.t. Pemberian ampunan kepada orang-orang yang berdosa itu juga kerana adanya shafā`at dari Allah s.w.t. sebab Dia memiliki sifat *Rahmān* dan *Rahīm*. *Shafā`at* merupakan permohonan seseorang agar orang lain yang berdosa dapat dibebaskan dari siksaan. Nabi Muhammad s.a.w. menyatakan bahawa Baginda akan memberikan shafā`at kepada umatnya, yang melakukan dosa besar, di akhirat nanti.[134] Seperti terlihat dalam hadith:

اخرت شفاعتى لاهل الكبائر من أمتى يوم القيامة

Maksudnya:
"Aku akan memberikan shafa`at kepada umatku, yang melakukan dosa besar, di akhirat nanti".

Dari keterangan di atas, dapat diambil suatu kesimpulan bahawa, dalam masalah iman, masyarakat Islam Jambi tetap konsisten mengikuti pemahaman al-Asy`arī, yang meyakini bahawa iman itu ialah *al-tasdīq bi Allah*, iaitu mengetahui dan

---

[133] Lihat Q.S. Muhammad 47:34.

[134] Lihat Ibn Kathīr, *Tafsīr Ibn Kathīr*, Beirut: Dār al-Ma`rifah, Jil. 1, t.th., hal. 523. Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, Kaherah: Dār al-Hadīth, Jil.4, 1988, hal. 236; Aḥmad ibn Hanbāl, *Musnad Aḥmad ibn Ḥanbāl*, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, Jil. 3, 1978, hal. 313.

membenarkan dalam hati bahawa Allah itu ada. Sedangkan posisi amal atau perbuatan berada di luar iman. Kerana itu, orang yang melakukan dosa besar masih tetap dianggap mukmin.

5.3 IMPLIKASI FAHAMAN TEOLOGI TERHADAP BUDAYA KERJA MASYARAKAT

Dinamika masyarakat sangat erat kaitannya dengan pemikiran 'teologi' dan nilai-nilai yang berkembang di kalangan mereka. Agak sukar dibayangkan berlakunya pasang surut tamadun dan perjalanan sejarah sosial, ekonomi dan politik masyarakat tanpa merujuk kepada idea dan nilai-nilai yang berlaku pada masa itu.[135] Hasil kajian mendapati bahawa nilai-nilai tauhid (teologi) yang diamalkan oleh seseorang muslim dapat merefleksikan suatu sikap dan kreativiti diri dalam menghapi hidup dan kehidupannya sehari-hari. Mereka meyakini bahawa dengan keyakinan (iman) yang dimilikinya mampu berbuat dan melaksanakan tugasnya, sebagai khalifah *fī al-ard*, demi mendapatkan riḍā Allah. Bahkan, dengan memahami akidah secara mendalam, ia akan mampu memberikan kebebasan pada diri manusia.

Dalam kaitan ini, Hj. Ahmad Syukri,[136] anggota Majlis Ulama Provinsi Jambi, menyatakan bahawa kebebasan manusia dapat dibezakan ke dalam beberapa dominan. Pada dataran fizikal, kebebasan yang boleh dimiliki manusia tampak semakin kecil. Secara alamiah sesungguhnya manusia telah memiliki "*taqdīr*" yang tidak boleh dirubah. Manusia dalam dimensi fizikalnya tidak dapat berbuat lain kecuali mengikuti hukum alam yang melekat padanya. Misalnya, manusia ditaqdirkan oleh Tuhan tidak

---

[135] Lihat Ismā'īl Rājī al-Fārūqī, *Tawhīd: Its Implications for Life and Thought*, Virginia: IIIT. Herndon, 1995.
[136] Hj. Ahmad Syukri, Wawancara dengan penulis, Jambi, 12 Mac 2002.

boleh terbang seperti burung, berenang lepas bagaikan ikan, memanjat pohon dengan lincah seperti tupai, dan seterusnya.

Tetapi, kerana manusia juga ditaqdirkan memiliki daya berfikir yang kreatif, organ tangan yang amat terampil dan serba boleh, kehendak yang dinamik, maka pada level pemikiran dan kehendak manusia semakin besar wilayah kebebasannya. Bahkan kita boleh bertanya, siapakah yang boleh membatasi daya imajinasi manusia? Di mana batas akhir kreativiti manusia? Di sini semakin jelas bahawa pengertian *taqdīr* bukanlah suatu pengertian yang "tertutup" dan "serba final", melainkan justeru menunjukkan dinamika dan selalu terbuka bagi kemungkinan-kemungkinan baru. Dengan kata lain, manusia ditaqdirkan memiliki kelebihan dan kebebasan berfikir dan berkreasi sehingga dengannya boleh "merakit" dan "merekayasa" berbagai *taqdīr* yang melekat pada alam raya untuk dibudidayakan. Menurut Syukri, inilah salah satu isyarat al-Qur'an ketika Allah berfirman bahawa Dia telah mengajarkan "nama-nama" benda yang bertebaran di jagat raya ini. "Nama-nama" bererti juga melakukan pemahaman dan identifikasi dalam rangka menaklukkannya untuk diambil manfaat.

Dari berbagai makna kebebasan yang muncul dalam wacana falsafah mahupun keagamaan, kebebasan yang paling tinggi adalah apa yang disebut "moral freedom". Dalam dunia fizikal, bebas ertinya ketiadaan hambatan untuk bergerak. Dalam dunia etika dan agama, "bebas" ertinya situasi di mana seseorang "terbebaskan" dari jeratan nafsu, fikiran dan perilaku *shaiṭāniyyah*, yang menghalangi kedekatan kepada Tuhan. Dengan demikian, untuk menjadi orang yang "bebas" atau "merdeka" secara moral bukanlah suatu pekerjaan yang mudah. Hanya mereka yang kuat imannya yang benar-benar boleh menjadi orang "bebas" (*liberated man*).[137] Doktrin *shahadat* pada

[137] Lihat Komaruddin Hidayat, "Taqdir dan Kebebasan", dalam Muhammad Wahyuni Nafis, ed., *Rekonstruksi dan Renungan Religius Islam*, Jakarta: Paramadina, 1996, hal. 124-125.

dasarnya adalah sebuah proses pembebasan seseorang agar tidak terjerat dari kungkungan berhala, yang menghalangi kedekatan dengan Tuhan. Sehubungan dengan itu, semakin dalam pemehaman seseorang terhadap *`aqīdah* yang diyakininya maka ia akan merefleksikan suatu kebebasan pada diri manusia itu sendiri.[138]

Dalam berbagai ayat al-Qur'an dapat dijumpai firman Allah yang menegaskan bahawa sesungguhnya manusia diciptakan dan bersamanya dianugerahkan kebebasan. Misalnya firman Allah s.w.t.:

إن الله لا يغير ما بقوم حتى يغيروا ما بأنفسهم

Maksudnya:
Allah tidak akan merubah nasib suatu kaum kecuali kaum itu yang merubah nasibnya sendiri.

Surah al-Ra'd (13):11.

Dan firman Allah s.w.t yang berbunyi:

وما كان الله ليظلمهم ولكن كانوا أنفسهم يظلمون

Maksudnya:
Allah sekali-kali tidak menganiaya seseorang, melainkan orang itu yang menganiaya dirinya sendiri.

Surah al-Ankabūt (29):40.

Dalam al-Qur'an, selalu dijumpai ayat yang menyatakan: "Barangsiapa yang beriman dan diikuti dengan berbuat kebaikan, maka balasannya tidak lain adalah surga, sedangkan siapa yang ingkar dan berbuat dosa maka sesungguhnya ia tengah menimbun bahan bakar neraka untuk dirinya sendiri". Ayat-ayat ini secara tegas menunjukkan bahawa imbalan surga (*reward*) dan ancaman neraka (*punishment*) merupakan hasil dari perbuatan seseorang, bukannya keputusan sewenang-wenang dari Tuhan. Dengan ungkapan lain, nilai ketaqwaan sebagai prestasi moral

---

[138] Lihat *Ibid.*

mengasumsikan adanya kebebasan bagi manusia untuk menentukan pilihan dan perbuatan, entah baik atau buruk. Dengan demikian, prestasi moral ataupun taqwa sulit diwujudkan kalau saja semua tindakan manusia telah ditentukan sebelumnya oleh 'agen' di luar dirinya.[139]

Dengan demikian, dapat ditegaskan bahawa sebahagian dari *taqdīr* itu berlakunya dengan melibatkan manusia. Dan di saat manusia ikut terlibat maka hukum moral berlaku. Tetapi peristiwa alam yang terjadi di luar kemampuan dan keterlibatan manusia, misalnya sebuah planet jatuh dan melukai banyak penduduk bumi, di sini manusia tidak boleh disalahkan. Lalu siapa yang lengah? Berikut ini sebuah ilustrasi yang menggambarkan hubungan antara *taqdīr* Tuhan dan kebebasan manusia, iaitu, melalui membayangkan orang yang menulis atau bermain dengan komputer. Dia bebas menulis atau menggambar apa saja, tetapi jangan harap ia boleh keluar dari disket program yang telah disediakan sebelumnya. Ia bebas tetapi terikat, terikat tetapi tetap memiliki wilayah kebebasan. Contoh yang mirip adalah orang yang bermain catur. Ia terikat oleh "*taqdīr*" berupa peraturan-peraturan yang berlaku dalam papan catur, namun ia tetap memiliki kebebasan untuk memilih gerakan-gerakan yang dikehendakinya sendiri.

Jadi, jika masyarakat Islam di provinsi Jambi dapat meningkatkan pemahaman mereka tentang konsep "tauhid" serta hubungan antara perbuatan manusia dengan kekuasaan mutlak Tuhan maka ia akan merefleksikan suatu etos kerja,[140] dalam Islam dikenal konsep *ikhtiār*, yang dapat membawa mereka ke arah kehidupan yang lebih

---

[139] Bila benar bahawa semua tindakan manusia itu secara mutlak telah ditentukan oleh kekuatan di luar dirinya, maka konsekuensinya dalam hidup ini tidak adan tempat yang layak bagi persoalan moral, persoalan baik dan buruk. Lihat *Ibid.*, hal. 126.

[140] Ethos adalah dorongan praktis untuk berbuat yang bertolak dari konteks psikologis dan pragmatis dari agama. Max Weber berpendapat bahawa isi etos sangat ditentukan oleh doktrin agama. Lihat Taufik Abdullah, "Beberapa Aspek dari Konsep Ethos Kerja", dalam *Ilmu dan Budaya*, Jakarta: No. 3, Jil. 4, t.th., hal. 51-52.

baik. Mereka akan mampu menjadi masyarakat yang mencintai semangat kerja dan sampai kepada kehidupan berwirausaha yang berhasil, dan pada gilirannya rasionaliti dalam keseluruhan perilaku mereka juga akan meningkat. Hal ini terjadi kerana pemahaman teologi al-Ash`arī yang mereka anut akan dapat menuntun pemikiran mereka ke arah itu.

Masyarakat Islam Jambi, pada umumnya, sepakat menyatakan bahawa bekerja adalah sebahagian dari ibadah, yang oleh para ahli[141] dapat dianggap sebagai etos kerja bagi umat Islam. Sebagai akibat logiknya, dalam Islam, seseorang diperintahkan untuk memulai segala aktivitinya dengan mengucapkan *basmalah*, iaitu *Bismi Allah al-Rahmān al-Rahīm*. Apapun yang dilakukan, maka mulailah dengan perkataan tersebut. Dengan mengucapkan ucapan *Basmalah*, seseorang bukan sekedar mengharapkan "berkah", tetapi juga menghayati maknanya, sehingga dapat melahirkan sikap dan karya yang positif.

Menurut Quraish Shihab,[142] kata *bi* yang terletak diawal kalimat *basmalah*, diterjemahkan "dengan". yang oleh para ulama dikaitkan dengan kata "memulai", sehingga pengucap *basmalah* pada hakikatnya berkata: "dengan atau demi Allah saya memulai pekerjaan ini". Apabila kita menjadikan pekerjaan kita "atas nama" Allah, maka perkerjaan tersebut pasti tidak akan mengakibatkan kerugian pihak lain, dan juga tidak akan menimbulkan kerusakan pada harta benda orang lain. Karena ketika itu kita telah membentengi diri dan pekerjaan kita dari godaan nafsu serta ambisi peribadi. Kata *bi* juga dikaitkan dengan "kekuasaan dan pertolongan", sehingga si pengucap *basmalah* menyadari bahwa pekerjaan yang dilakukannya terlaksana atas kekuasaan (kudrat) Allah. Ia memohon bantuan Allah agar pekerjaannya dapat

---

[141] Prof H. Adrianus Chatib, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 12 Mac 2002. Prof. H. Adrianus Chatib adalah seorang Professor di IAIN Sulthan Thaha Saifuddin Jambi.
[142] Lihat H. M. Quraish Shihab, *Op. Cit.*; hal. 8-9.

terselesaikan dengan baik dan sempurna. Dengan permohonan itu, di dalam jiwa si pengucap *basmalah* tertanam rasa kelemahan di hadapan Allah s.w.t. Namun, pada masa yang sama, tertanam pula kekuatan, rasa percaya diri, dan optimisme kerana ia merasa memperoleh bantuan dan kekuatan dari Allah, yakni sumber dari semua kekuatan. Apabila suatu pekerjaan dilakukan atas bantuan Allah maka sudah pasti ia sempurna, indah, baik dan benar karena sifat-sifat Allah "berbekas" pada pekerjaan tersebut.[143] Jadi, dapat dikatakan bahawa pemahaman seseorang secara mendalam terhadap teologi (*tawhīd*) akan memberi kesan yang positif kepada etos kerja dalam Islam. Kerana ia menyedari bahawa "teologi" akan membawa seseorang dekat kepada diri Tuhan. Apabila seseorang itu telah merasa dekat kepada Tuhan maka ia akan merasa makhluk yang paling lemah, bila berhadapan dengan kekuasaan mutlak Tuhan, dan pada masa yang sama ia merasa orang yang paling kuat dan percaya diri, bila berhadapan dengan makhluk ciptaan Allah, kerana ia menyedari bahawa ia bergandingan dengan Zat Yang Maha Kuat dan Maha Berkuasa.

Selanjutnya, di kalangan masyarakat Islam, bagian-bagian tertentu dari kerangka konseptual teologis 'tesis Max Weber' sudah banyak digunakan para pemikir Islam untuk menjana umat supaya bekerja keras dalam mengatasi kemunduran mereka dalam bidang ekonomi.[144] Sakralisasi kerja dengan formulasi "kerja adalah bahagian dari ibadah" dapat dibandingkan dengan "kerja keras adalah panggilan dan harus terlaksana dalam kehidupan duniawi". Kesuksesan hidup di dunia ini sebagai hasil dari kerja keras merupakan pertanda bahawa orang itu terpilih dan

---

[143] Lihat *Ibid.*, hal. 22.

[144] Lihat M. Hasbi Umar, *Ethos Kerja Dalam Perspektif Islam*, Makalah Seminar, Anjuran Persatuan Pelajar Indonesia Malaysia, Jun 1998, hal. 12.

mendapat keselamatan.[145] Namun, sebahagian masyarakat Islam menganggap bahawa kemakmuran hidup bukanlah indikator kemuliaannya di sisi Tuhan dan sebaliknya kesempitan yang dialami bukanlah pertanda kehinaan status seseorang hamba, hal ini menurut Hj. Ali Imran,[146] merupakan takdir yang telah ditentukan oleh Tuhan.[147] Tanggapan seperti ini boleh membawa seseorang kepada faham *fatalisme*. Ini merupakan kesalahan dalam memahami 'takdir' dalam konsep teologi. Semestinya pemahaman yang mendalam terhadap 'takdir' dapat menjadi pemangkin umat untuk selalu bekerja keras.

Pada dasarnya, bagi setiap peribadi ada ketentuan Tuhan, apakah dia "dikehendaki" termasuk dalam kelompok hamba-hamba Allah, baik di dunia mahupun di akhirat kelak. Tetapi agaknya mereka lupa bahawa "kehendak Allah" hanya ada dalam "pengetahuan-Nya", kerana itu hanya Dia yang mengetahui siapa di antara mereka yang dikehendaki menjadi hamba-hamba-Nya. Sedangkan bagi manusia sendiri, status dirinya tetap 'misteri' dalam erti tidak diketahuinya, dia sentiasa dalam ketidakpastian apakah akan termasuk di antara orang-orang yang dikehendaki Allah menjadi hamba-hamba-Nya, dengan itu dia masuk surga, atau tidak sehingga kelak dia akan celaka di akhirat. Memang ada di antara manusia yang jelas termasuk

---

[145] Dalam Tesisnya, Max Weber menegaskan adanya hubungan antara Etika Protestan dengan semangat Kapitalisme. Semangat Kapitalisme yang bersandarkan pada cinta ketekunan, berhemat cermat, punya perhitungan, rasional, dan sanggup menahan diri, menemukan pasangannya dengan kerangka pemikiran teologis Calvinisme, terutama Puritanisme, iaitu bahawa keselamatan diberikan Tuhan kepada orang terpilih sesuai dengan takdir yang telah ditentukan. Kerananya manusia selalu merasa dalam ketidakpastian, apakah terpilih sehingga memperoleh keselamatan atau tidak. Dan kewajipannya adalah menganggap dirinya terpilih dan memerangi keraguannya tentang anggapan tersebut, sebab keraguannya merupakan pertanda dia tidak terpilih dalam takdir. Untuk menghilangkan keraguannya itu dia harus bekerja keras, dan keberhasilan dari kerja keras ini dianggap sebagai pembenaran bahawa dia memang terpilih. Jadi kerja keras merupakan panggilan dan suatu tugas suci. Kerangka pemikiran teologis ini melahirkan etos kerja para penganut Protestan yang berhasil mengembangkan Kapitalisme dari dunia Barat. Lihat Taufik Abdullah, *Ethos Kerja dan Perkembangan Ekonomi*, Jakarta, LP3ES, 1979, hal. 4-10.

[146] Hj. Ali Imran, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 13 Mac 2002.

[147] Pemahaman seperti ini, boleh membawa kepada kecenderungan masyarakat bersikap fatalisme. Secara teori, keyakinan tersebut masih dipegang oleh sebagian masyarakat Jambi, namun dalam praktikal mereka tetap memiliki etos kerja yang tinggi dalam usaha menempah kehidupan yang lebih baik untuk masa hadapan.

dikehendaki Tuhan, iaitu para Rasul dan Nabi-Nya, namun bagi manusia lainnya tetap dalam ketidakpastian ini, yang seharusnya mendorong mereka untuk bekerja keras untuk mencapai derajat "hamba Allah" tersebut.[148]

Dalam al-Qur'an dijelaskan bahawa segala sesuatu di alam ini terjadi berdasarkan *qadar* yang ditetapkan Tuhan padanya, misalnya firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

وخلق كل شيء فقدره تقديرا

Maksudnya:
Dan Dia (Allah) telah menciptakan segala sesuatu, lalu membuat-Nya ukuran-ukurannya.

Surah al-Furqān (25):2.

Yang dimaksud dengan 'ukuran-ukuran (*qadar*)' dalam ayat tersebut adalah hukum alam atau Sunnah Allah yang berlaku dalam alam raya ini.[149] Al-Ghazālī, seorang tokoh al-Ash`ariyyah, berpendapat bahawa sebahagian dari unsur percaya kepada *qaḍā* dan *qadar* Tuhan ialah percaya bahawa segala sesuatu yang terjadi di alam ini adalah diciptakan-Nya sesuai dengan hukum kebiasaan (hukum alam) yang berlaku, sebab hukum tersebut juga merupakan ketentuan-ketentuan Allah s.w.t. Meskipun al-Ghazālī tidak menamakan dengan 'kepastian hubungan sebab-akibat' sebagaimana dalam hukum kausalitas, tetapi beliau mengakui adanya keteraturan di dalam penciptaan Tuhan, yang tidak berbeza dengan hukum kausalitas. Dengan demikian, atas dasar percaya kepada takdir, seseorang yang berusaha mencapai predikat "hamba Allah" seharusnya mengikuti sunnah Allah atau hukum-hukum

[148] Dalam hubungannya dengan perbuatan manusia, iman kepada takdir bagi kaum muslimin tidak hanya berfungsi sebagai motivasi penggerak untuk berbuat atau bekerja, tetapi juga menjadi tuntunan dalam semua perilaku kehidupan. Kerana seseorang tidak mengetahui apakah dirinya termasuk yang dikehendaki atau tidak dikehendaki dalam kategori "hamba-Nya", maka dia terdorong untuk bekerja keras bagi mencapai predikat tersebut, yang menyebabkan dia menjadi orang yang beruntung di dunia dan di akhirat. Ketika berusaha mencapai predikat itu, iman kepada takdir berfungsi sebagai penuntun bagi peribadi tersebut. Lihat M. Hasbi Umar, *Ethos Kerja Dalam Perspektif Islam*, hal. 13.

[149] Lihat Mahmud Shaltūt, *al-Islām `Aqīdah wa Shari`ah*, Kaherah: Dār al-Qalām, 1966, hal. 53.

Tuhan yang berlaku dalam alam ini. Hanya saja dalam berusaha mencapai status hamba Allah ini, seseorang mestilah sabar, kerana ia harus bekerja keras sesuai dengan sunnah Allah yang berlaku.

Selanjutnya, masyarakat Islam Jambi, sesuai dengan tendensi pemahamannya terhadap teologi al-Ash`arī, mengakui bahawa adanya sesuatu yang luar biasa dapat terjadi di alam ini. Mereka yang meyakini kemahakuasaan Tuhan secara mutlak, menerima kemungkinan terjadinya sesuatu yang luar biasa pada orang-orang tertentu dengan istilah tertentu pula.[150] Hal-hal yang luar biasa tersebut merupakan *al-umūr al-kharīqah li al-`adah*, maksudnya peristiwa-peristiwa yang melanggar hukum alam (kebiasaan). Menurut H. M. Hasbi Umar,[151] al-Ash`arī sendiri telah memperkenalkan hukum kebiasaan (*al-`adah*) dalam argumentasinya tentang kemungkinan Tuhan dapat dilihat dengan mata kepala di akhirat. Ini boleh terjadi apabila Tuhan telah menghendakinya, kerana Dia tidak memerlukan hukum kebiasaan yang berlaku. Selanjutnya konsep hukum kebiasaan ini juga dikembangkan oleh tokoh-tokoh al-Ash`ariyyah, seperti al-Bāqillānī dan al-Juwainī.

Pelanggaran terhadap *sunnah* Allah terjadi pada apa yang disebut dengan mukjizat. Tetapi, tidak semua mukjizat berupa peristiwa yang melanggar sunnah Allah.[152] Segala sesuatu yang dihadapkan kepada manusia, lalu membuatnya tidak berdaya untuk melawan kebenaran yang datang bersama sesuatu itu adalah

---

[150] Sesuatu yang luar biasa terjadi pada seorang Rasul atau Nabi Allah dinamakan *mu`jizāt*, apabila terjadi sebelum kerasulan dinamakan dengan *irhās*. Yang terjadi pada seorang Wali Allah disebut *karamah* dan yang terjadi pada orang biasa (awam) dinamakan *ma`unah*. Sementara itu, kejadian luar biasa yang berlaku pada seorang jahat atau fasik disebut dengan istilah *istidrāj* atau *ihānah*. Lihat Ibrāhīm al-Bijūrī, *Hashiyyah al-Shekh Ibrāhīm al-Bijūrī `alā Matn al-Sanusiyyah*, Bandung: al-Ma`arif, Tanpa Tahun, hal. 39.

[151] H. M. Hasbi Umar, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 03 Mac 2002.

[152] Lihat Ibrāhīm Anīs, et al. *Al-Mu`jām al-Wasīṭ*, Kaherah: Majma` al-Lughah al-`Arabiyyah. Cet. 2, 1972, hal. 585.

mukjizat.[153] Oleh kerana itu, tatanan alam semesta yang sangat kuat tanpa cacat itu pun merupakan mukjizat. Manusia tidak akan sanggup untuk membuatnya dan semestinya merasa lemah berhadapan dengan Sang Maha Pengatur yang membuat tatanan itu.

Al-Qur'an menyebut peristiwa yang merupakan pelanggaran terhadap hukum alam itu. Misalnya, peristiwa selamatnya Ibrāhīm a.s. dari pembakaran oleh kaumnya. Api yang dinyalakan kaumnya tidak mampu membakar Ibrāhīm a.s. kerana diperintah oleh Allah untuk menjadi dingin dan tidak memiliki sifat membakar.[154] Terbelahnya laut ketika Mūsa a.s. dan Banī Israīl melewatinya dan menutupinya kembali setelah mereka sampai ke darat, sementara Fir'aūn dan bala tentaranya berada di tengah-tengah laut, merupakan pelanggaran terhadap sunnah Allah.[155] Menurut sifat dasarnya, air tidak dapat terbelah dalam waktu yang lama. Namun ketika Nabi Mūsa a.s. memukulkan tongkatnya ke laut, terbelahlah air laut itu sehingga terdapat jalan kering di tengahnya. Hal-hal seperti ini menunjukkan adanya campur tangan Allah dalam perjalanan yang terjadi dalam alam semesta.

Hal lain yang menunjukkan adanya campur tangan Allah adalah diutusnya para rasul dan diturunkannya wahyu atau kitab sebagai petunjuk bagi manusia. Allah memberikan kemampuan kepada manusia untuk mengetahui baik dan buruknya.[156] Untuk itu ia mesti mempergunakan hati dan fikirannya guna merenungkan tanda-tanda yang ada disekitarnya dan dalam dirinya sendiri. Perenungan ini hanya dapat dilakukannya kalau ia tidak hanya menurutkan dorongan-dorongan biologis semata

---

[153] Lihat Fazlu Rahmān, *Major Themes of the Qur'an*, Chicago: Bibliotheca Islamica, 1980, hal. 69.
[154] Lihat Q.S. al-Anbiyā' 2:69.
[155] Lihat Q.S. Ṭahā 20:77-78; Q.S. al-Shu'arā' 26:63-64; Q.S. al-Dukhān 44:24.
[156] Dalam hal ini Mahmud Shaltūt menyatakan bahawa Allah menciptakan dalam diri manusia kemampuan untuk melakukan perbuatan baik dan buruk, kemudian membiarkannya untuk memilih sendiri apa yang akan dilakukannya. Alasan yang dipakainya sebagai dasar antara lain Q.S. al-Insān 76:2-3, Q.S. al-Balad 90:8-10, dan Q.S. al-Nisa' 4:165. Lihat Mahmud Shaltūt, *Tafsīr al-Qur'an al-Karīm*, Kaherah: Dār al-Qalam, Cet. 4, 1966, Jil. 1, hal. 231.

yang disebutkan oleh al-Qur'an sebagai kehidupan bumi dan hawa nafsu.[157] Meskipun demikian, Allah "tidak rela" membiarkan manusia terseok-seok atau bahkan tersesat dalam perjalanannya. Ia telah menetapkan kasih sayang sebagai suatu sifat yang lekat dengan diri-Nya, sehingga berbagai kemudahan diberikan kepada manusia agar dapat menemukan jalan yang lurus. Walaupun begitu, kebebasan manusia tetap tidak dinodai.

Dengan demikian, pernyataan al-Qur'an tentang perbuatan-perbuatan Allah seperti tersebut di atas tidak semestinya dianggap sebagai meniadakan hukum alam. *Sunnah* Allah tetap ada dan diciptakan Allah bersamaan dengan diciptakannya alam itu sendiri. Dengan perkataan lain, alam semesta diciptakan sekaligus dengan hukum-hukumnya yang terus berlaku sampai saat kehancurannya. Namun, apakah alam ini dibiarkan berjalan sendiri tanpa campur tangan dari Allah selain penjagaan keberlangsungan fungsinya? Misalnya, dinyatakan bahawa Allah menahan langit dan bumi agar tidak hancur, menahan langit agar tidak runtuh[158] dan sebagainya. Ternyata tidak. Berkaitan dengan perjalanan umat manusia, Allah campur tangan dalam perjalanan alam dan kadang-kadang, bila dikehendaki, *Sunnah* Allah dilanggar-Nya untuk itu.

Dari keterangan di atas dapat dipertegaskan bahawa segala sesuatu di alam ini tetap terjadi sebagaimana berlakunya hukum kausalitas, selama tidak ada "keperluan" Tuhan berbuat lain, sesuatu yang luar biasa. Tuhan tidak berbuat menurut kausalitas, tetapi berbuat menurut kehendak-Nya. Namun kehendak Tuhan tersebut tetaplah misteri bagi manusia, dalam ertian apakah Tuhan akan berbuat sesuatu yang luar biasa bagi diri seseorang atau tidak, yang diketahui manusia dengan ilmunya hanyalah

---

[157] Lihat Q.S. al-A`raf 7:175-176.
[158] Lihat Q.S. al-Hajj 22:65.

kebiasaan yang selalu terjadi. Kerana itu, manusia harus memperhatikan hukum alam, kausalitas, atau hukum kebiasaan tersebut dalam pengamatan, tanggapan, tindakan dan usaha ikhtiarnya untuk meraih sesuatu yang lebih baik bagi dirinya. Disebabkan hukum-hukum kebiasaan tersebut telah lebih banyak diketahui, dimiliki dan dipraktikalkan oleh para ahli sains dan teknologi, maka tentu saja ilmu dan teknologi tersebut perlu dimiliki oleh setiap peribadi muslim.

Jika hal ini dapat difahami dengan baik oleh masyarakat muslim, maka akan lebih meningkatkan pula rasionaliti perilaku dan usaha ikhtiar mereka, yang pada gilirannya akan meningkatkan kualiti hidup mereka sebagai masyarakat muslim di wilayah ini. Apalagi dalam faham mereka, yang merupakan pengaruh dari teologi al-Ash`arī, bahawa percaya kepada ketentuan-ketentuan yang berlaku di alam semesta ini sebagai hukum kebiasaan merupakan bahagian dari kepercayaan mereka kepada *qaḍā* dan *qadar* yang ditetapkan oleh Allah. Menurut Abdul Mutholib,[159] jika selama ini kelihatannya, sebahagian masyarakat Islam Jambi, tampak tidak kreatif, tidak maju, maka hal ini disebabkan mereka belum sepenuhnya memahami dan menghayati akidah yang dimiliki, terutama tentang kedudukan *al-kasb* (usaha, ikhtiar), yang umumnya telah mereka kenal melalui pembelajaran ilmu tauhid. Bagi golongan ini, masih mempopulerkan pepatah melayu yang berbunyi: "manusia hanya boleh merencana, ketentuan hasilnya tetap berada pada kehendak dan kekuasaan Tuhan".

Fakta historikal Islam menunjukkan bahawa nilai-nilai tauhid yang diamalkan di kalangan masyarakat Madinah, pada zaman Nabi dan para sahabat, mampu melahirkan masyarakat yang memiliki etos kerja yang tinggi, sehingga dengan nilai tauhid yang dimiliki, mereka mampu berkorban jiwa dan raga demi mempertahankan dan memperjuangkan kehidupan mereka. Di samping itu, nilai ketauhidan, juga

---

[159] Abdul Mutholib, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 23 Julai 2001.

mampu melahirkan suatu masyarakat yang bertamadun tinggi, cinta pada ilmu pengetahuan dan kebenaran serta menjaga hubungan antara manusia, Tuhan dan alam semesta dengan baik dan harmoni.[160] Keadaan ini, pada akhirnya dapat memberikan kesan yang jelas terhadap sikap dan perkembangan sosio-budaya mereka. Dalam hal ini, Ibn Khaldūn menyatakan bahawa ajakan (dakwah) keagamaan secara mendasar menambah kekuatan *al-`aṣābiyyah*, iaitu kesetiaan terhadap nilai-nilai kesukuan, menjadi semakin kuat.[161] Alasannya ialah kerana faktor dalaman (*tawhīd*) ini dapat mengatasi persoalan-persoalan yang dihadapi oleh masyarakat dalam pergaulan mereka dan dapat menjadi faktor yang merapatkan hubungan antara individu dalam masyarakat. Faktor ini sangat diperlukan di dalam mendirikan sesebuah organisasi sosial kemasyarakatan kerana ia merupakan nilai-nilai yang menjadi faktor penyatuan masyarakat.[162] Dalam erti kata lain, peranan "teologi" dalam pembangunan sistem politik masyarakat adalah penting. Sistem itu akan gagal berfungsi secara berkesan tanpa adanya "teologi" dan "shari`ah" yang menggariskan peraturan yang mesti diikuti oleh semua warga masyarakat.[163]

Peranan penting teologi ini dalam melakukan transformasi ialah agar masyarakat tetap berada di atas paksi kemaslahatan bersepadu yang menggabungkan antara kepentingan dunia dan akhirat.[164] Teologi inilah yang kemudian menjadi dasar yang kukuh untuk mengembangkan lagi pelbagai kemungkinan di masa depan dan di masa yang sama menjadi punca kekuatan masyarakat.

---

[160] Lihat Akrām Diyā' al-`Umarī, *al-Mujtamā` al-Madānī fī `Ahd al-Nabī*, al-Madīnah al-Munawwarah: al-Jāmi`ah al-Islāmiyyah, al-Majlis al-`Ilmī Li Ihyā' al-Turāth al-Islāmī, 1983.
[161] Lihat Ibn Khaldūn, *Muqaddimah*, hal. 158.
[162] Masyarakat yang telah dibimbing oleh nilai 'teologi' itu kemudian terbukti menunjukkan pencapaian cemerlang dalam pelbagai perkembangan sosio-ekonomi, politik, dan ilmu pengetahuan. Transformasi sosial luar biasa yang berlaku pada masyarakat Arab Badwī di ujung belahan dunia yang tidak banyak bersentuhan dengan masyarakat bertamadun tinggi ini tidak dapat difahami tanpa melihat kepada nilai 'teologi' yang dimiliki sebagai faktor penting terhadap perubahan sosial. Lihat Muhammad Firdaus, *Kesan Perubahan Sosial*, hal. 67.
[163] Lihat *Ibid.*, hal. 190.
[164] Lihat *Ibid.*

Dari keterangan di atas dapat diambil suatu ketegasan bahawa pemahaman konsep teologis, nilai-nilai keagamaan, yang benar akan membawa kepada kedinamisan seseorang dalam bersikap dan berbuat, yang pada akhirnya akan melahirkan suatu budaya 'kerja' dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

Hakikat inilah, agaknya, yang difahami oleh masyarakat Islam Jambi. Berdasarkan nilai-nilai tauhid atau keyakinan yang dimiliki, mereka mampu melahirkan sikap dan budaya kerja dinamis dalam mengharungi kehidupan mereka. Ini dapat dibuktikan bahawa orang-orang tua dahulu, di Jambi, sentiasa berusaha menciptakan lapangan pekerjaan, yang memakan waktu yang cukup lama dan memakai alat-alat tradisional, seperti menebang hutan untuk kawasan perkebunan getah yang sampai hari ini masih dapat dinikmati oleh penduduk masyarakat Jambi.[165] Ini menunjukan kepada kita bahawa masyarakat Jambi sejak dahulunya telah memperlihatkan kedinamisannya dalam kehidupan mereka. Sama ada dalam bersikap mahupun pola fikirnya, yang jauh ke depan. Kesan pemikiran 'teologi' sebagai penggerak budaya kerja juga dapat dibuktikan dengan maraknya gerakan-gerakan sosial di Jambi, yang secara langsung berasal daripada kesedaran beragama.[166]

5.4 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, dapatlah dirumuskan bahawa kaum muslimin provinsi Jambi tergolong sebagai penganut faham teologi al-Ash'ariyyah. Dalam hal ini, kebanyakan mereka mengetahui bahawa mereka termasuk penganut hukum Islam mazhab Shafi'i, sebaliknya mereka kurang menyedari bahawa mereka mengikuti

---

[165] Muhammad Arifin, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 05 Julai 2001. Pernyataan serupa juga diungkapkan oleh Datuk Sulaiman Hasan, seorang tokoh adat provinsi Jambi. Datuk Sulaiman Hasan, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 11 Julai 2001.

[166] Pernyataan tersebut diakui oleh Hj. Muhammad Nasir, seorang tokoh masyarakat Jambi. Hj. Muhammad Nasir, Wawancara dengan Penulis, Jambi, 07 Julai 2001.

teologi Ash`arī. Mereka menganggap dirinya tergolong dalam *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah.* Pengaruh Ash`arī dapat dijumpai dalam literatur-literatur Islam yang tertulis dalam bahasa Arab dan Melayu yang dipakai secara luas di Jambi. Setelah menyelidiki isi sejumlah Kitab-kitab Jawi, iaitu buku-buku mengenai Islam dalam bahasa Melayu dan ditulis dengan huruf Arab, membenarkan bahawa para penulis kitab-kitab Jawi tersebut, yang banyak dipakai di Indonesia pada umumnya dan di Jambi khususnya adalah para pengikut yang setia pada aliran al-Ash`ariyyah. Terutama dua contoh menunjukkan sifat anutan (pegangan) mereka. Pertama, diperkenalkannya kategori dari *wajib*, *mustahīl* dan *ja'iz* dalam pembicaraan mengenai sifat-sifat Allah. Para penulis kitab-kitab Jawi percaya pada tiga belas sifat wajib bagi Allah yang dihuraikan oleh Ash`arī, dan tujuh sifat tambahan yang dihuraikan oleh al-Bāqillānī dan al-Juwainī (438 H./1074 M) yang kemudian diterima oleh al-Sanusi (1490 M). Ketiga belas sifat tersebut adalah *wujūd, qidām, baqā', mukhālafah li al-hawādith, qiyām bi nafsih, wahdāniyyah, qudrah, iradah, `ilm, ḥayah, sama` baṣar, kalām;* ketujuh sifat tambahan adalah: *qādir, mūrid, `ālim, hayy, sāmi`, bāṣir* dan *mutakallim.* Semua sifat Allah ini berjumlah dua puluh, di kalangan kaum muslimin provinsi Jambi umumnya dikenal sebagai sifat dua puluh dan mereka berusaha menghafalkannya sedapat mungkin.

Bukti nyata yang kedua tentang anutan pada teologi Ash`arī adalah penerimaan konsep *iktisāb* (usaha) dalam kehidupan, sambil mempercayai akan kemahakuasaan Allah. Gambaran serupa dapat ditemukan dalam naskhah-naskhah teologi yang ditulis dalam bahasa Arab, kerana di situ termasuk buku-buku seperti *Umm al-Barāhīn* oleh al-Sanūsī, *Kifāyah al-`awāmm* oleh al-Faddalī (w. 1821 M), *Jawāhir al-Kalāmiyyah* oleh Ṣālih al-Jāzirī, dan lain-lain, yang semuanya tergolong naskah atau kitab menurut aliran teologi Ash`arī. Naskhah-naskhah itu diguna pakai di

Institusi-Institusi pendidikan Islam seluruh Jambi sama ada di peasntren-pesantren biasa mahupun di madrasah-madrasah yang lebih moden. Selain naskhah-naskhah tersebut juga terdapat buku *Hashiyyah* oleh al-Bajūrī dan oleh al-Dasuqī; kedua-duanya adalah mengandungi sejarah terbaik dari *Umm al-Barāhīn* oleh al-Sanusī; *Tahqīq al-maqām* oleh Ibrāhīm al-Bajūrī (w. 1861 M), sebuah tafsiran atas kitab *Kifāyah al-`Awāmm* oleh al-Faddalī, yang kemudian diperbaiki oleh Nawāwī al-Bantānī dalam *Tijān al-durārī*; *Jawharat al-tawhīd* oleh Ibrāhīm al-Laqanī (w. 1631 M) beserta sharah, *Tuhfāt al-murid* oleh Ibrāhīm al Bajūrī; *`Aqīdah al-`awāmm* oleh Aḥmad al-Makkī yang berkembang sejak tahun 1864 beserta tafsirannya *Nur al-ẓalām* oleh Nawāwī al-Bantānī, dan lain-lain.

Dalam merealisasikan doktrin akidah tersebut ke dalam kehidupan sehari-hari, mereka nampak dinamik dan kreatif. Dalam erti kata lain, akidah yang mereka pegang dapat memotivasi mereka untuk lebih giat bekerja dan meraih kerjaya hidup yang lebih baik dan sempurna. Dengan demikian, nilai ketauhidan (teologi) adalah salah satu punca dari pembentukan budaya kerja masyarakat, terutamanya dalam menentukan perubahan sosio-budaya masyarakat. Ini berlaku secara universal di sepanjang sejarah umat manusia. Sebagai roh yang telah melahirkan tamadun-tamadun besar ia akan terus kekal sebagai asas motivasi budaya kerja, seseorang individu dan masyarakat dalam perjuangan mereka mencapai kemajuan dan kehidupan lebih baik pada masa mendatang.